

Dokumentasi

Jendela Sarawak

✓ Indeks

Kuching

BIL. 5 DISEMBER 2001/ SYAWAL 1422 DITERBITKAN 3 KALI SETAHUN

EDARAN PERCUMA



Penerima ASNS bergambar bersama-sama dengan TYT Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahudin.

SAR m 0066/09

Majlis Penyampaian Anugerah Sastera Negeri Sarawak

Oleh Hajjah Mainol

PROJEK Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS) telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada 1994 memperlihatkan kesungguhan serta iltizam Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi untuk sama-sama membangun dan memantapkan pertumbuhan sastera kebangsaan di negeri ini sejajar dengan pembangunan bidang lain.

ASNS diperkenalkan sebagai satu bentuk penghargaan kerajaan kepada penulis-penulis Sarawak yang telah mengharumkan dunia sastera dan penulisan di negeri ini. Ia juga menjadi penggerak, perangsang serta pendorong kepada kelahiran lebih ramai penulis yang dapat menaikkan mutu dan darjah sastera dan penulisan di negeri ini.

Pada 15 November 2001, Hotel Merdeka Palace sekali lagi menyaksikan kegembiran Majlis Pengurniaan ASNS bagi kali yang keenam. Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh TYT Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahudin. Turut hadir di majlis tersebut ialah Y.B. Encik Dublin Unting ak. Ingkot, Menteri Muda Kementerian

Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar, Pengurus Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Azman Abdul Rashid, Setiausaha Persekutuan dan Tan Sri Datuk Amar Haji Hamdan Sirat.

Panel penilai sebulat suara memilih lapan orang penulis untuk menerima hadiah bagi pelbagai genre yang ditawarkan. Latifah Hj. Shebli, penyair terawal di Sarawak yang masih menghasilkan puisi sehingga kini diumumkan sebagai penerima Hadiah Sastera Kebangsaan Negeri Sarawak bagi genre puisi. Puisi-puisi yang beliau hasilkan mengemukakan tema dan persoalan yang luas dengan sikap dan pemikiran kritis serta rasional. Jais Sahok, penulis pelbagai genre yang tidak asing lagi bagi khalayak sastera di Sarawak, turut dinobatkan sebagai penerima hadiah yang sama bagi genre cerpen. Cerpen-cerpen yang dihasilkannya mengemukakan tema dan persoalan yang agak luas. Tema tersebut dilatari oleh pengalaman dan penelitian yang mendalam terhadap aspek kehidupan. Penulisan ese/kritikan Awang Azman Awang Pawi mencakupi skop yang lebih luas dan berhasil dengan pendekatan yang sistematis. Kecenderungan dan kekuatan teori sastera serta

keupayaan memperkenalkan epistemologi baru dan menerapkannya dalam penulisan ese/kritikan tempatan melayakkkan beliau menerima hadiah bagi genre ese/kritikan. Kesemua penerima Hadiah Sastera Kebangsaan Negeri Sarawak membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000.00 serta sijil.

Bagi Hadiah Penggiat Sastera Negeri Sarawak, penerima ialah Zaini Oje @ Ozea. Hasil sumbangan serta peranan beliau dalam perkembangan kebahasaan dan kesusastraan di negeri ini sejak tahun 1970-an sehingga kini telah melayakkkan beliau menerima hadiah wang tunai RM4,000.00 serta sijil. Berperanan sebagai penggiat teater dan drama yang begitu menonjol di Sarawak di samping turut bergiat dalam penulisan skrip drama dan puisi.

Ting Mee Sieng, penyair berbakat telah diumumkan sebagai penerima Hadiah Sastera Suku Negeri Sarawak bagi kategori Bahasa Cina. Kumpulan puisi beliau yang berjudul Kisah Si Ikan memuatkan 45 buah puisi. Tema puisinya yang indah meninggalkan kesan yang dalam di hati pembaca. Beliau menerima hadiah wang tunai bernilai RM4,000.00 serta sijil.

bersambung di halaman 2...



Menarik di dalam



25 Tahun Yang Mematangkan

muka surat 3



Esmawi Haji Husly Dalam Kenangan

muka surat 7



Wu An - Penyair Berjiwa Besar

muka surat 16

Talian Khidmat Bahasa

Tel : 082-444711

Faks: 082-444707

Emel: dbpsar@po.jaring.my

Bahasa Jiwa Bangsa

ISSN 1511-8053



9 771511 805002

Bahasa Jiwa Bangsa

Bahasa Jiwa Bangsa

Bahasa Jiwa Bangsa

SAR 5006 7/09

Sidang Editor

KETUA EDITOR
Haji Abdul Rahman Yusof
rahman@dbp.gov.my

EDITOR
Che Zainab Omar (*sehingga 15.11.2001*)
chezai@dbp.gov.my

PENOLONG EDITOR
Huznah Sait
huznah@dbp.gov.my
Jaafar Hamdan

SIDANG EDITOR
Idros Samsudin
Jiso Rutan
Nasruddin Abdullah
Jaraee Sawal
Zasran Abdullah
Hazami Jahari
Jonathan Singki Lintan
Abang Patdelli Abang Muhi

EDITOR BERSEKUTU
Haji Jeli Bohari Biha (Miri)
Drs. Jarkasi (Kalimantan Selatan)
Dr. Chairil Effendi (Kalimantan Barat)
Drs. H.A. Rizani Asnawi, MPA (Kalimantan Timur)

PELAPOR
Awang Zaidel Awang Jamil

JURUTAIP
Unit Jurutaip

PEREKA HALAMAN
Awang Kelana Awang Hassan
Mohd. Khairin Abdul Malek

PEMBACA PRUF
Rosani Hiplee

PENGEDARAN
Adenan Junaidi



PENGERUSI
Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar

KETUA PENGARAH
Dato' A. Aziz Deraman

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Haji Abu Bakar Mohamed

PENGARAH PENERBITAN
Dr. Anwar Ridhwan

PENGARAH KHIDMAT SOKONGAN DAN TEKNIKAL
Haji Abdul Razak Abdul Aziz

KETUA BAHAGIAN REKA BENTUK
Mohammad Ali

PENERBIT
Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak,
Peti Surat 1390,
93728 KUCHING, SARAWAK.

Tel : 082 — 44471
Faks : 082 — 444707
Emel : dbpsar@po.jaring.my

PENCETAK
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Tun Abang Haji Openg,
93554 Kuching.

daripada editor

TAHUN 2001 akan meninggalkan kita. Muncul pula tahun 2002 yang pastinya menjanjikan lebih banyak cabaran. Mengimbau pencapaian Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sepanjang tahun 2001, kita telah diberikan kepercayaan menganjurkan beberapa kegiatan di peringkat kebangsaan. Forum Remaja peringkat akhir yang diadakan pada 8 Ogos di Dewan Suarah Kuching menyaksikan kejayaan kita menganjurkan satu kegiatan yang besar. Ramai peserta yang terlibat dalam kegiatan ini berpuas hati dengan cara kerja kita.

Hari Sastera Ke-12 pada 17 - 20 Ogos 2001 di Santubong Resort, Kuching, berjaya dilaksanakan walaupun agak rapat dengan Forum Remaja. Hari Sastera yang bertemakan "Sastera Wadah Integrasi Budaya" membincarkan sejumlah dua puluh kertas kerja oleh penulis-penulis rantau Asia Tenggara. Ini menggambarkan bahawa karyawan di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak umpama tubuh yang sering membantu antara satu dengan yang lain. Tidak ada pemisah antara Unit. Semua

kegiatan ditangani bersama. Bekerja sebagai satu pasukan.

Seminar Pemikiran Hamka yang diadakan pada 1 September 2001 di Balai Budaya, menyakin lagi bahawa komitmen Dewan Bahasa dan Pustaka ke atas mempertahankan bahasa dan sastera Melayu. Seminar yang bertemakan "Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu" menyaksikan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan beberapa institusi di negeri Sarawak.

Hasil daripada kesungguhan dan komitmen yang tinggi untuk memajukan bahasa dan sastera Melayu, maka Dewan Bahasa dan Pustaka telah dianugerahkan Sijil MS ISO 2002 pada 22 Jun 2001 di Kuala Lumpur. Upacara penyampaian Sijil kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak telah diadakan pada 16 Julai 2001 di Balai Budaya. Sijil telah disampaikan oleh Pengurus Lembaga Pengelola, Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.

Pada tahun 2002, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak akan menyambut Jubli Perak. Pelbagai aktiviti dan pro-

gram telah diatur bagi memerakkan lagi bahasa dan sastera di negeri Sarawak. Pada tahun itu nanti Dewan Bahasa dan Pustaka akan melancarkan video koropanya. Video yang berjudul "Menyusuri Sejarah Menugar Khazanah" mengajak penonton mengimbau perkembangan bahasa dan sastera di negeri Sarawak dan menyaksikan usaha yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak dalam mendepani isu-isu sastera dan kebahasaan. Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga akan melancarkan 'Direktori Penulis Sarawak'. Direktori yang sedang giat diusahakan pada tahun 2001 akan menghimpunkan biodata penulis-penulis Sarawak. Direktori ini diharapkan dapat menaikkan nama penulis-penulis Sarawak di arena penulisan di negara ini. Selain daripada itu, beberapa kegiatan sampingan turut direncanakan. Antaranya ialah pameran bahasa dan sastera, peraduan menulis karya kreatif, dan hari terbuka Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. JS

...dari muka surat pertama

Majlis Penyampaian Anugerah Sastera Negeri Sarawak

Bagi kategori Hadiah Penulis Harapan Negeri Sarawak yang menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM2,000.00 serta sijil, panel penilai sebulat suara memilih tiga orang penulis muda yang telah menunjukkan bakat penulisan yang begitu menonjol. Radzemah Bolhassan penulis muda yang berpotensi untuk maju dan bakatnya begitu terserlah dalam bidang penulisan novel telah dipilih sebagai salah seorang penerima hadiah kategori berkenaan. Seorang lagi penulis muda yang mula mendapat perhatian khalayak sastera ialah Rosani Hiplee. Beliau banyak menulis cerpen dan puisi, tetapi lebih menyerlah dalam bidang puisi. Puisi-puisi beliau memperlihatkan identiti atau jati diri kepenyairannya yang tersendiri. Gaya bahasanya penuh unsur-unsur kehalusan serta kemerduan yang

seimbang dengan penyatuan persoalannya. Khatem Ariffin turut menerima hadiah yang sama merupakan seorang penulis cerpen dan novel remaja yang cukup berbakat. Karya-karya beliau terutamanya novel remaja memperlihatkan potensi seorang penulis novel yang kreatif.

Dato Dr. James Jemut Masing dalam ucapannya me-lahirkan keyakinan bahawa matlamat ASNS yang sepatutnya menjadi matlamat dan sasaran utama setiap dasar dan perancangan sastera dan penulisan sama ada yang dibuat oleh badan kerajaan atau bukan. Projek ASNS yang diperkenalkan beberapa tahun yang lalu tidak terkecuali dalam hal ini. Sejauh mana ia mencapai matlamat itu, banyak bergantung kepada sokongan serta sambutan daripada masyarakat dan khalayak sastera

Pencetak

Jendela Sarawak diterbitkan setiap empat bulan sejak awal bulan Ogos 2000. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pandangan Dewan Bahasa dan Pustaka.

SAR 00068/09

25 Tahun Yang Mematangkan

Oleh Azhar Hj. Mohd. Dora

MATLAMAT mendaulatkan bahasa dan kesusastraan Melayu serta kepustakaan Melayu adalah bagi menonjolkan bahasa Melayu di tanah air ini secara khususnya dan di persada antarabangsa amnya. Sastera Melayu menjadi cerminan dan pernyataan daripada bahasa Melayu itu sendiri. Kepustakaan Melayu pula merupakan kenyataan daripada keupayaan bahasanya mengungkap peribadi dan keluh kesah bangsanya meniti gelombang perubahan zaman. Bahasa Melayu kini berjaya meniti perubahan zaman, merentas arus dunia tanpa sempadan dan cabaran ledakan teknologi maklumat serta megah di mercu kejayaan yang membanggakan. Bangsa Malaysia dan bahasa Melayu harus dilihat sebagai satu entiti, bukannya terpisah dan terpinggir kerana wujudnya sosiologi ras yang terpisah. Kepercayaan kepada

Keghairahan kegiatan kebahasaan dan kesusastraan yang pesat, khususnya selepas bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam tahun 1985, secara langsung mencabar tugas dan peranan DBP Cawangan Sarawak supaya lebih agresif.

stock & barrel. Ini bermakna keseluruhan harta dan kakitangan BKB diambililah dan diserapkan ke perkhidmatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sesuai dengan konsep perancumannya dengan BKB, maka DBP Cawangan Sarawak mula beroperasi dari bangunan Kerajaan Negeri (yang dahulunya

November 1977 mula berusaha untuk mendapatkan tanah daripada kerajaan negeri dan membuat perancangan awal bagi tujuan mendirikan bangunan untuk sendiri.

Keghairahan kegiatan kebahasaan dan kesusastraan yang pesat, khususnya selepas bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam tahun 1985, secara langsung mencabar tugas dan peranan DBP Cawangan Sarawak supaya lebih agresif. Kegiatan dan bilangan kakitangan yang bertambah dan keadaan bangunan lama yang kurang mampu menyediakan prasarana yang secukupnya semakin mendesak pihak pengurusan merancang penyediaan kemudahan yang lebih selesa di kawasan lain.

Kedatangan Tuan Haji Zainal Abidin Zulcifly sebagai Pengarah DBP Cawangan Sarawak pada bulan Ogos 1986 membawa azam dan harapan yang besar kepada seluruh kakitangan di Cawangan ini. Berkat usaha yang gigih dan kepimpinannya yang berkesan serta kerjasama dan kesepakatan semua pihak, terutamanya Pengurus Lembaga Pengelola Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar dan Ketua Pengarah DBP ketika itu Dato' Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor, segala impian dan harapan selama ini akhirnya menjadi kenyataan.

Setelah lebih 12 tahun beroperasi di bangunan kerajaan negeri di Jalan Tun Abang Haji Openg, DBP Cawangan Sarawak akhirnya mendiami bangunannya sendiri. Perpindahan seluruh organisasi DBP Cawangan Sarawak pada awal bulan Oktober 1990 meninggalkan pelbagai kenangan pahit dan manis kepada semua pegawai dan kakitangan. Dengan bilangan pegawai dan kakitangan seramai 75 orang, fungsi DBP Cawangan Sarawak dibahagikan kepada beberapa unit iaitu Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Bahasa, Unit Sastera, Unit Pentadbiran, Unit Grafik dan Unit Pemasaran dan Stor.

Cabar yang perlu dihadapi di bawah kepimpinan Tuan Haji Zainal Abidin Zulcifly begitu mencabar. DBP Cawangan Sarawak yang dilihat sebagai sebuah jabatan di peringkat negeri menjadi harapan seluruh rakyat negeri Sarawak yang ingin melihat kelangsungan usaha meletakkan imej bahasa Melayu di mercu dan mengantikan penguasaan bahasa asing, baik dari segi komunikasi


mahu pun persuratan. Kesinambungan perjuangan beliau dalam mengembangkan bahasa Melayu di Sarawak diteruskan pula oleh Encik Abd. Jalil Abd. Rahman pada tahun 1994 hingga 1995 dan seterusnya oleh Tuan Haji Khalid Ahmad mulai 1995 hingga awal tahun 2000.

Sebagai pewaris perjuangan bangsa untuk menegakkan martabat bahasa, DBP Cawangan Sarawak sedikit demi sedikit mula mengorak langkah dengan penuh gagah dan perkasa. DBP Cawangan Sarawak mula menempatkan dirinya sebaris dengan jabatan-jabatan kerajaan lain yang disegani dan dihormati. Semakin banyak agensi kerajaan dan swasta yang mula memberikan kerjasama dalam merealisasikan matlamat-matlamat kebahasaan yang diperjuangkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Pihak kerajaan negeri Sarawak tampil memberi sokongan moral dan kewangan bagi melaksanakan projek-projek kebahasaan seperti Forum Remaja, Forum Pelajar, Bulan Bahasa dan sebagainya. Begitu juga dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain seperti Jabatan Pendidikan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Petronas, Shell dan lain-lain lagi.

Sepantas arus pembangunan dan perkembangan tamadun ilmu, DBP Cawangan Sarawak semakin berkembang dari segi fungsi dan saiz sumber manusianya. Pada awal tahun 90-an, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Saran Baru (SSB) yang menuntut satu anjakan paradigma dalam sistem pengurusan, pemikiran, sikap serta persepsi kakitangan kerajaan terhadap budaya kerja berkualiti dan peningkatan produktiviti. Selaras dengan tuntutan ini, DBP Cawangan Sarawak turut melakukan penstrukturkan semula

organisasi dari segi peranan dan fungsi berdasarkan matlamat yang telah ditetapkan. Ini bertujuan memperkasa keupayaan sistem pengurusan serta mempertingkatkan kemahiran pekerja dalam pelaksanaan setiap tugas yang telah dirancang yang mencakupi ruang lingkup tugas-tugas kebahasaan, kesusastraan, penerbitan, perniagaan, pentadbiran dan kewangan.

Apabila berlaku beberapa perubahan yang melibatkan penstrukturkan skim dan skel perkhidmatan dalam SSB, fungsi bahasa dan sastera di DBP Cawangan Sarawak telah dikelusukan kepada beberapa aspek dan unit seperti Pengembangan Bahasa (sektor awam), Pengembangan Bahasa (sektor swasta), Penyelidikan Bahasa, Perkamus dan Istilah, Pengembangan Sastera, Sastera Modern dan Sastera Tradisional.



Bangunan lama DBP Cawangan Sarawak di Jalan Tun Abang Haji Openg, Kuching.

keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa yang menunjangi kekuatan bangsa Malaysia untuk terus menjadi bangsa yang bertamadun dan maju harus dipertahankan. Justeru, tanggungjawab mempertahankan dan mendaulatkan bahasa Melayu ini harus dilaksanakan di seluruh pelosok tanah air.

Menyedari hakikat ini, cadangan menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak telah mula dibincangkan pada dekad 70an. Perbincangan di antara kerajaan negeri Sarawak, Sabah, Kementerian Pendidikan dan DBP berhubung dengan cadangan ini akhirnya melahirkan DBP Cawangan Sarawak secara rasmi pada 1 Januari 1977. Perancuman DBP dengan Biro Kesusastraan Borneo (BKB) merupakan satu penyerapan mutlak secara *lock,*

menempatkan BKB) bersebelahan dengan Jabatan Percetakan Negara di Jalan Tun Abang Haji Openg, Kuching. Pertambahan kakitangan, sama ada dengan pengambilan kakitangan baru atau yang berpindah dari ibu pejabat, serta tugas yang semakin berat dan mencabar menyulitkan keperluan untuk mendapatkan sebuah bangunan baru kian hari kian mendesak. Pada tahun 1980, DBP Cawangan Sarawak sudah mempunyai bilangan pegawai dan kakitangan seramai 51 orang. Bilangan ini dibahagikan kepada empat unit utama iaitu Pentadbiran, Unit Bahasa dan Sastera, Unit Penerbitan, dan Unit Pemasaran dan Stor.

Tuan Haji Hussain bin Jamil, yang mengambil alih tugas sebagai Pengarah daripada meniang Encik Edward Enggu pada 17



Bangunan DBP Cawangan Sarawak sekarang terletak di Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub di Petra Jaya.

Apabila berlaku beberapa perubahan yang melibatkan penstrukturkan skim dan skel perkhidmatan dalam SSB, fungsi bahasa dan sastera di DBP Cawangan Sarawak telah dikhatususkan kepada beberapa aspek dan unit seperti Pengembangan Bahasa (sektor awam), Pengembangan Bahasa (sektor swasta), Penyelidikan Bahasa, Perkamus dan Istilah, Pengembangan Sastera, Sastera Moden dan Sastera Tradisional. Penghususan seperti ini juga bertujuan memantapkan lagi keberkesanan pelaksanaan tugas dan pencapaian matlamat organisasi serta mampu membentuk para pegawai atau pengurus projek yang cekap dalam menangani tugas yang mencabar.

Ketika dunia melonjak ke alam digital dan merentas dunia siber, DBP Cawangan Sarawak walaupun kerdil ciri fizikalnya namun tidak pernah ketinggalan dalam arus pemodenan teknologi dan mekanisme peningkatan produktiviti. Penghujung tahun 90-an telah mula menampakkan perubahan dan peningkatan dari segi prasarana teknologi maklumat melalui pemasangan sistem rangkaian dari segi maklumat, pengurusan, kewangan, prestasi dan sebagainya.

Setiap unit dibekalkan dengan kemudahan komputer dan internet. Ini telah sedikit sebanyak membantu kelincinan tugas organisasi khususnya dalam pelaksanaan pelbagai kegiatan kebahasaan, kesusasteraan, penerbitan dan penyebaran ilmu pengetahuan melalui jualan bahan penerbitan seperti buku, majalah, kaset dan lain-lain. Penyebaran maklumat ini turut disalurkan melalui laman web DBP Cawangan Sarawak yang dibina dalam sistem besar laman web di ibu pejabat Kuala Lumpur. Sasaran DBP Cawangan Sarawak, pada tahun 2003, setiap kakitangan disediakan dengan sebuah komputer.

Tahun 2000 memperlihatkan DBP Cawangan Sarawak sebagai sebuah organisasi yang semakin matang dan cukup gah mendepani arus millenium. Biarpun sekadar sebuah DBP mini namun kehadirannya di bumi yang terbesar di Malaysia ini cukup dirasai dan diyakini. Pelbagai pihak menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi kepada DBP Cawangan Sarawak untuk meneruskan perjuangan mengembang serta mendaulatkan bahasa Melayu hingga menjadi BAHASA YANG BESAR DI DUNIA, seperti mana yang sering berkumandang dalam peneguhan azam dan lafaz ikrar kakitangan DBP semasa Hari Kualiti diadakan setiap tahun.



Penerbitan Buku Teks Bahasa Iban yang dilancarkan baru baru ini.

Kehadiran Pengarah baru, Tuan Haji Abd. Rahman Yusof pada Februari 2000 untuk mengetuai DBP Cawangan Sarawak, mengukuhkan lagi kerancakan dan kecerian arena pemartabatan bahasa dan kesusasteraan Melayu di Bumi Kenyalang. Dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang sastera, beliau telah meneruskan tradisi perjuangan DBP Cawangan Sarawak untuk melahirkan ramai pemikir dan pengiat bahasa dan sastera di bumi tercinta ini.

DBP Cawangan Sarawak juga terus menerus diberi kepercayaan menganjurkan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan, baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Pada bulan Ogos 2001, DBP Cawangan Sarawak telah diberi kepercayaan menganjurkan Hari Sastera ke 12 yang telah berlangsung dengan jayanya di Santubong Resort, Kuching. Majlis Anugerah Sastera Negeri Sarawak pula telah berlangsung pada November 2001 dan menjadi bukti terhadap kejayaan dan kebolehan anak tempatan dalam menghasilkan karya serta sumbangan untuk pembangunan kebahasaan dan kesusasteraan negeri dan negara. Pertandingan Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2001 turut dikendalikan oleh DBP Cawangan Sarawak dengan jayanya. Selain itu, sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara peringkat negeri Sarawak telah berjaya dilaksanakan oleh DBP Cawangan Sarawak dengan berkesan dan mendapat kerjasama yang padu daripada pelbagai pihak, khususnya kerajaan negeri Sarawak.

Di peringkat antarabangsa, DBP Cawangan Sarawak turut memainkan peranan penting dalam pelbagai aktiviti kerjasama kebahasaan, kesusasteraan maupun kebudayaan seperti dalam Dialog

Borneo Kalimantan dan Majlis Kerjasama Kebahasaan dan Per-suratan (MEKKAP). Ternyata perjuangan mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan kian hari kian mendapat ruang di hati dan sanubari masyarakat serta para pemimpin kerajaan walaupun realitinya masih ada kalangan yang mencemburui perjuangan dan keagresifan DBP Cawangan Sarawak meletakkan martabat bahasa dan sastera Melayu di mercu. Hal ini dipaparkan dengan jelas melalui slogan kualiti DBP, 'BAHASA BERWIBAWA, SASTERA BERMUTU, KUALITI DIPULIHARA MARTABAT DI MERCU'.

Pahit manis perjuangan memartabatkan bahasa Melayu selama hampir 25 tahun telah menjadikan DBP Cawangan Sarawak lebih dewasa dan matang dalam setiap perancangan dan tindakannya. Hasilnya, pada 22 Jun 2001 yang lalu DBP CAWANGAN SARAWAK turut dianugerahi Sijil MS ISO 9002. Skop persijilan yang diterima, merangkumi bahasa, sastera, penerbitan dan pengurusan. Dengan memperoleh sijil MS ISO 9002, DBP Cawangan Sarawak kini komited kepada satu sistem pengurusan yang lebih kemas dan teratur. Pelaksanaan piawaian MS ISO 9002 menjadikan proses-proses kerja lebih telus dan jelas kerana ia telah didokumentasikan dan diperjelaskan oleh pekerja yang terlibat serta diluluskan oleh ketua jabatan. Kejayaan ini menggambarkan betapa seriusnya komitmen seluruh warga DBP Cawangan Sarawak dalam menerapkan budaya produktiviti dan kualiti dalam organisasi.

Usia 25 tahun turut mematangkan minda dan sikap warga-

nya untuk menjadi warga kerja yang kreatif, dinamis dan pro aktif. Kelincihan dan keupayaan warga DBP Cawangan Sarawak dalam setiap gerak laku dan pemikiran terserlah dalam pelbagai aktiviti yang diikuti. Kumpulan kesenian Sri Nopeng misalnya telah berjaya melakar sejarah dengan memenangi pertandingan Sekalung Seni 2001 di Kuala Lumpur dan Kumpulan koirnya pula terpilih dalam pertandingan akhir koir peringkat kebangsaan sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara di Kuala Lumpur. Kontinen perbarisan DBP Cawangan Sarawak juga turut terlibat dalam perbarisan hari kemerdekaan negara 2001 dengan penuh bergaya dan ceria, menyerlahkan keunggulan DBP sebagai pendukung cita-cita pemartabatan bangsa dan bahasa yang gemilang.

Begitulah sebuah organisasi pengembangan bahasa dan sastera di Sarawak. Dari sebuah 'teratak' kecil terpinggir, kini berdiri megah di bangunan indah penuh bersejarah. Dari sebuah agensi kerdil, kini tersohor di serata nusantara. Nada dan suaranya disegani rakan. Menjelang fajar 1 Januari 2002, organisasi ini menyambut kelahirannya yang ke 25 tahun. Berbekalkan semangat 'obor yang menyala' serta citra organisasi berkualiti, pengalaman selama suku abad ini akan menyaksikan kelangsungan dan peningkatan DBP Cawangan Sarawak sebagai institusi bahasa dan sastera kebangsaan yang cemerlang dari segi pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan untuk seluruh pengguna bahasa, demi bangsa dan negara. Dirgahayu DBP Cawangan Sarawak! JS



Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2001 antara aktiviti yang dijalankan dengan jayanya.

SAR m o o 6 9 / 0 9

BULAN BAHASA DAN SASTERA NEGARA 2001 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Oleh Abang Haliman Abang Julai

BAHAGIAN Limbang telah dipilih menjadi tuan rumah Bulan Bahasa Sastera Negara (BBSN) Peringkat Negeri Sarawak 2001. Acara tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir di seluruh bahagian di Sarawak telah disempurnakan majlis pelancarannya oleh Y.B. Dr. Haji Abang Rauf Haji Abang Zen, Menteri Muda Perumahan Sarawak dan Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri yang mewakili Y.B. Datuk Adenan Haji Satem, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak merangkap Pengurus Gerakan Cintailah Bahasa Kita Peringkat Negeri Sarawak.

Tahun ini merupakan tahun ke-15 Negeri Sarawak menyambut Bulan Bahasa di peringkat negeri manakala sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara pula merupakan kali ke-3 sejak Bulan Bahasa diangkat menjadi BBSN pada tahun 1999. Tema BBSN tahun ini ialah "Bahasa Melayu Asas Tamadun Bangsa". Bahasa Melayu dalam konteks ini ialah bahasa kebangsaan bagi semua rakyat, selaras dengan peruntukan dalam perlombagaan Perkara 152 yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. (Awang Sariyan: Pelita Bahasa 2001)

Matlamat BBSN ialah memantapkan, memperkuuh kecintaan dan kemegahan terhadap bahasa kebangsaan, seperti yang termaktub dalam perkara 152, Akta Bahasa Kebangsaan, memperkuuh minat dan kecenderungan untuk menggunakan bahasa Melayu di kalangan kakitangan kerajaan dan orang awam dalam pelbagai urusan rasmi, memantapkan mutu dan memperluas penggunaan bahasa di sektor awam, sektor swasta dan media massa dan akhirnya menunjukkan kekuatan dan keindahan bahasa dan sastera kebangsaan dalam pembinaan imej bangsa Malaysia.

Jawatankuasa BBSN Peringkat Negeri Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh Encik Ubaidillah Abdul Latif, Residen Bahagian Limbang dan Tuan Haji Abdul Rahman Yusof, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak telah merancang 18 kegiatan sepanjang acara berkenaan. Kerjasama yang erat dari pelbagai Jabatan Kerajaan di Limbang sebagai ahli jawatankuasa telah meralasikan kejayaan pelaksanaan BBSN 2001. Setiap



Upacara perasmian BBSN dilakukan oleh Y.B. Dr. Haji Abang Rauf Haji Abang Zen dan disaksikan oleh Haji Abdul Rahman Yusof dan Encik Ubaidillah Abdul Latif.

jabatan telah diberikan tanggung-jawab untuk mempergerusikan jawatankuasa kecil yang merencana dan seterusnya melaksanakan kegiatan yang telah dirancang.

Kegiatan yang dilaksanakan pada tahun ini ialah pameran bahasa dan sastera, pameran dan jualan buku DBP, Malam Senandung Puisi, kursus penataran bahasa Melayu untuk Ahli Majlis Daerah Lawas, dan Majlis Daerah Limbang, ceramah tokoh, forum bahasa, khemah bahasa dan pementasan teater.

Kegiatan bercorak pertandingan juga diadakan seperti pertandingan bercerita jenaka, berbalas pantun, pertandingan melukis dan mewarna dan pidato. Sempena Majlis Penangguhan BBSN pada 6 September 2001, diadakan Malam Kesenian yang menampilkan acara nyanyian, tarian rampaian dan lagu rakyat yang dipersembahkan oleh anak seni di Limbang dan Kuching. Majlis penangguhan tersebut dirasmikan oleh Y.B. Encik Judson Sakai Tagal, Ahli Dewan Undangan Negeri Ba'Kalalan.

Semua kegiatan yang dilaksanakan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat di Limbang dan Lawas. Forum Bahasa misalnya yang dipengerusikan oleh Encik Zaini Oje, Pengarah DBP Cawangan Sabah mendapat sambutan yang hangat dengan tajuk "Bahasa Melayu dalam Kerjaya Profesional; Antara Kejayaan dan Kenyataan". Ahli panel terdiri daripada Dr. Ahmad Rustam Mohd. Zainuddin, Pengarah Jabatan Kesihatan Limbang, Encik Daud Abd. Rahman, peguam dan Encik Zasran

Abdullah, dari DBP Cawangan Sarawak. Isu bahasa Melayu dalam bidang profesional ini sangat relevan dewasa ini kerana penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas dalam bidang ini. Tambahan pula, penggunaan bahasa Inggeris juga semakin luas dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), dan bidang inilah yang merupakan prasarana penting untuk menjana keberkesanan golongan profesional dalam melaksanakan tugas sehari-hari mereka.

Rakyat Malaysia yang cinta akan negaranya, tidak kira dalam apa-apa bidang pekerjaan sekalipun, harus memandang serius cabaran-cabarannya terhadap bahasa Melayu demi menjamin kedaulatannya sebagai bahasa kebangsaan. Penerbitan beribu buah buku dengan berjuta istilah oleh DBP dalam pelbagai bidang profesional sepertinya sudah boleh membantu menyelesaikan masalah peristiwa dan penterjemahan dokumen.

Ceramah tokoh pula telah diadakan di Auditorium RTM, Limbang pada 16 September 2001. Prof. Dr. Teo Kok Siong dari Universiti Kebangsaan Malaysia, menyampaikan ceramah bertajuk "Bahasa Melayu dan Globalisasi" yang mengungkap segala cabaran globalisasi terhadap perkembangan bahasa Melayu dan pendekatan pragmatik yang perlu diambil bagi menjamin bahasa Melayu terus berkembang dan relevan sebagai salah satu bahasa utama dunia.

Pertandingan berbalas pantun juga mendapat sambutan dan sokongan daripada masyarakat Limbang yang diadakan di Dewan Suara Limbang pada 15 September 2001 dan disertai oleh 29

ada di kalangan ahli masyarakat tidak tahu atau tidak prihatin terhadap matlamat mahupun kegiatan yang diadakan sempena BBSN.

Dato A. Aziz Deraman, Ketua Pengarah DBP dalam buku cenderamata BBSN Peringkat Negeri Sarawak 2001 berkata walaupun perlombagaan persekituan telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi rasa bangga rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu masih rendah. Justeru usaha untuk meningkatkan nilai ekonomi dan memartabatkan bahasa Melayu di mata dunia perlu dilaksanakan secara berterusan supaya pandangan negatif terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa sains dan teknologi dapat dilenyapkan dari sanubari kita.

Dalam ucapan Pengarah DBP Cawangan Sarawak semasa majlis penangguhan BBSN, beliau berkata bahawa BBSN tidak disambut sebagai pesta-pestaan sahaja tetapi disambut dengan semangat patriotisme yang tinggi dalam kita mendaulatkan bahasa kebangsaan kita. Kita semua ketahui bahawa gerakan dan kegiatan bahasa dan sastera perlu berlangsung sepanjang tahun dan BBSN yang diadakan setiap bulan September itu sekadar mengingatkan dan menyedarkan kita akan pentingnya kedua-dua bidang itu dihayati dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Harapan kita ialah semoga kegiatan BBSN ini dapat mencapai matlamat dengan jayanya dan kegiatan-kegiatan bahasa dan sastera yang dilaksanakan setiap tahun ini dapat memberikan manfaat kepada warga Sarawak khasnya dan Malaysia amnya. JS



Y.B. Dr. Judson S. Tagal berucap sewaktu Majlis Penangguhan BBSN 2001.

SAR m 0070/09

Bahasa Kebangsaan Cerminan Kota dan Masyarakat Yang Berbudaya

Oleh Abang Haliman Abang Julai

USAHA Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) mengorak langkah berkerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) dalam menganjurkan Kolokium Pemantapan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam dan pada Papan Tanda pada 16 Oktober 2001 patut dipuji dan menjadi contoh pihak berkuasa tempatan yang lain dalam mendaulatkan penggunaan bahasa kebangsaan. Kolokium ini merupakan titik tolak kepada usaha dan perancangan yang pragmatik dalam menangani merancuan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda.

Jika kita singkap tujuan kolokium ini ialah untuk menerangkan tentang keperluan mempertingkatkan status dan kedudukan bahasa kebangsaan, dan juga memperjelas konsep, pendekatan dan strategi perluasan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda. Justeru kolokium ini dianggap tepat pada masanya kerana setelah 44 tahun merdeka, memang sewajarnya kawasan bandar, premis perniagaan dan tempat awam menggunakan nama yang melambangkan cita rasa dan budaya Malaysia.

Kolokium ini juga diadakan untuk mempereratkan kerjasama antara DBP dengan DBKU dan juga pihak berkuasa tempatan lain dalam program memartabatkan dan membudayakan penggunaan bahasa kebangsaan. Di samping itu juga, pengajur yakin akan mendapatkan input dan maklum balas tentang kaedah, pendekatan, program dan strategi yang lebih pragmatik bagi memantapkan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda. Ini memang selaras dengan saranan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dalam ucapan perasmian kolokium tersebut yang menyeru pihak berkuasa tempatan bekerjasama dengan DBP dan pihak berwibawa lain untuk memantapkan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda. Datuk Amar Haji Aziz Husain menyeru agar pihak berkuasa tempatan merujuk kepada buku garis panduan yang disediakan oleh DBP termasuk untuk tujuan dalam menamakan syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan kawasan pihak

berkuasa tempatan

Y.B. Datuk Amar menggesa pihak berkuasa tempatan untuk bekerjasama dengan DBP atau pihak yang berwibawa dalam meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan. Beliau berpendapat buku garis panduan ini cukup pragmatik dan retorik dari segi penamaan di samping memastikan kawasan yang ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan benar-benar memperlihatkan identiti negara melalui penggunaan bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.

Kesediaan DBKU untuk berganding bahu dengan agensi-agensi lain di bandar raya ini termasuk DBP untuk mewujudkan sebuah bandar raya yang indah, teratur, berbudaya dan sejahtera patut dipuji dan diberikan sokongan sepenuhnya terutama oleh DBP dan jabatan kerajaan yang lain. Pegawai Undang-Undang DBKU, Hajah Nancy Shukri berkata sebelum ini DBKU hanya menumpukan kepada budaya sivik, namun kini turut menekankan konsep masyarakat berbudaya menyeluruh melalui penggunaan bahasa yang tepat dan mantap di Bandaraya Kuching.

Ketika membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Bahasa Kebangsaan Cerminan Kota dan Masyarakat yang Berbudaya, Hajah Nancy berkata bahawa DBKU boleh menyumbang kepada usaha pemantapan bahasa kebangsaan melalui Undang-Undang Kecil Iklan 1998, Undang-Undang Kecil Bangunan 1994 dan Undang-Undang Kecil Perlesenan 1961.

Beliau menambah bahawa DBKU turut mengenakan syarat agar pelanggannya mengutamakan penggunaan bahasa Kebangsaan dalam mengeluarkan permit pengiklanan dan lesen perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Perlesenan. DBKU bukan sahaja memberikan keutamaan kepada penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama, malah juga prihatin kepada penggunaan bahasa yang tepat dan mantap. Warga kota juga boleh menyumbang kepada keindahan bandar raya melalui penggunaan bahasa kebangsaan dengan cara yang betul. Warga kota juga disaran agar peka terhadap hasrat DBP dalam memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan khasnya jika mereka mahu

memohon pemasangan papan tanda dan iklan dari pihak DBKU.

Hajah Zaiton Abdul Rahman
Ketua Bahagian Pengembangan
Bahasa Sektor Awam, DBP Malaysia
pula menyarankan semua
Ketua Setiausaha kementerian,
jabatan, badan berkanun dan pihak
berkuasa tempatan mengambil
perhatian dalam membetulkan
kesalahan penggunaan bahasa
melayu. Tindakan ini adalah bagian
membetulkan kesalahan meliputi
ejaan, tatabahasa dan seumpama
nya pada papan tanda, dokumen
rasmi, penamaan khas dan arahan
di kementerian, jabatan atau
kawasan/premis di kawasan seliaan
masing-masing. Aspek bahasa yang
digunakan hendaklah mengutamakan
penggunaan bahasa baku (standard)
serta mengambil kira pemilihan
kata, kenegaraan, budaya,
ekonomi lokasi, saiz dan fungsi
bahasa kita.

Kelemahan tahap penggunaan bahasa Melayu di tempat awam dan papan tanda begitu ketara dan perkara ini disokong dengan analisis peratusan yang tidak seimbang seperti dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh Tuan Haji Abdul Rahman Yusof Pengarah DBP Cawangan Sarawak yang bertajuk "Senario penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda". Kajian yang dijalankan oleh pihak DBP di 22 bandar dan pekan utama di Sarawak yang merupakan tinjauan awal daripada tahun 1991 hingga 1999 mendapat bahan bawa daripada 2,682 nama syarikat, kedai, premis perniagaan, kain rentang dan papan tanda hanya 304 atau 10.7 peratus menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat sepenuhnya. Penggunaan bahasa Melayu ini rendah berbanding dengan peng

gunaan bahasa Inggeris sepenuhnya iaitu sebanyak 539 atau 20.3 peratus dan penggunaan dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Cina sebanyak 1,515 atau 56.5 peratus.

Ada kemungkinan salah satu punca yang menyebabnya rendahnya penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda ialah pihak berkuasa tempatan di negeri ini tidak mempunyai garis panduan yang jelas dalam soal penamaan perniagaan dan pengiklanan, dan ada PBT yang tidak memandang serius soal mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan pada tanda

perniagaan dan pengiklanan. Begitu juga dengan penamaan syarikat dan premis perniagaan, pihak pendaftaran syarikatlah yang mempunyai kuasa untuk meluluskan nama-nama ini dan mereka seharusnya memainkan peranan yang penting dalam menentukan setiap nama syarikat dan premis perniagaan menggunakan utamakan bahasa kebangsaan.

Jika kita bersiar-siar di bandar raya Kuching, kita boleh melihat nama premis dan syarikat yang tidak betul dari segi ejaan tatabahasa dan terjemahannya. Kadang-kadang kita dapat melihat kesalahan bahasa itu tidak sepatutnya berlaku jika pemilik perniagaan dan pendaftar syarikat prihatin merujuk kamus atau pihak wibawa bahasa seperti DBP dalam menetulkan satu-satu nama itu betul dan segi bahasanya sebelum meluluskan pendaftarannya. Citra dan budaya Malaysia haruslah ditonjolkan supaya negara kita lebih dihormati kerana mempunyai jati diri yang tinggi dan seterusnya memancarkan budaya niaga orang timur yang tidak kurang hebatnya berbanding orang barat.

Namun demikian, agar keterlaluan juga kalau kita mengatakan tidak ada papan tanda di tempat awam atau premis perniagaan yang menggunakan bahasa kebangsaan dengan tepat dan betul. Tahniah dan syabas kepada syarikat yang mengutamakan bahasa kebangsaan dan ada sesetengah nama premis perniagaan itu bukan sahaja menggunakan bahasa kebangsaan, malah disertakan tulisan jawi. Ini menunjukkan semangat cinta akan budaya bangsa dan sekaligus memartabatkan bahasa kebangsaan masih wujud di kalangan peniaga terutamanya di Sarawak.

Dato A. Aziz Deraman Ketua Pengarah DBP dalam buku cenderamata BBSN Peringkat Negeri Sarawak 2001 berkata walaupun perlumbagaan persekutuan telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi rasa bangga rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu masih rendah. Justeru usaha untuk meningkatkan nilai ekonomi dan memartabatkan bahasa Melayu di mata dunia perlu dilaksanakan secara berterusan supaya pandangan negatif terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa sains dan teknologi

dapat disentapkan dari sanubari kita.

Dr. Haji Awang Sariyan, Pengarah Jabatan Bahasa DBP dalam majalah Pelita Bahasa (September 2001) berkata bahawa sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa Melayu memang menjadi asas pembinaan dan kelangsungan tamadun bangsa Malaysia kerana bahasa itu menjadi wahana segala bidang kehidupan, baik urusan sehari-hari mahupun urusan rasmi dan untuk pelbagai bidang ilmu dan profesional. Bangsa yang maju bukan sahaja bangsa yang menguasai teknologi moden dan ekonomi bahkan juga bangsa yang membangun dan maju dengan acuannya sendiri, termasuk melalui bahasa kebangsaan sendiri.

Daripada kenyataan dua tokoh bahasa ini, boleh disimpulkan bahawa usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ini haruslah bersifat berterusan dan berkesinambungan. Generasi baru harus didedah dan ditanamkan sikap cinta akan bahasa dan budaya bangsa agar negara kita terus menbangun dan maju dengan acuan sendiri ke arah sebuah negara bangsa yang disegani oleh mata dunia. Semangat memperjuang dan mendaulatkan bahasa kebangsaan perlu diteruskan dan disokong sepenuhnya oleh setiap lapisan masyarakat dan agensi kerana hanya dengan kerjasama yang erat dan padu sahajalah kita dapat mencapai sebuah negara yang benar-benar merdeka, menangkis segala bentuk penjajahan baru yang bukan sahaja menggunakan kekerasan, malah cuba menjajah psikologi manusia. Perkara 152 perlembagaan Akta Bahasa Kebangsaan sudah cukup jelas menegaskan keutamaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.


Harapan kita semoga kolloquium yang dianjurkan bersama oleh DBKU dan DBPCS ini menjadi pemangkin dan seterusnya menjana lebih banyak lagi usaha-usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan di tempat awam dan papan tanda khasnya di Sarawak supaya kita dapat merealisasikan bahasa kebangsaan cerminan kota dan masyarakat yang berbudaya. **JS**

MOHD. ESMAWI HJ. HUSLY:

Seniman Teater Dalam Kenangan

Oleh Zaini Oje @ Ozea

SAR 2007/09



SETELAH kembalinya Mohd. Esmawi Hj. Husly ke rahmatullah saya kehilangan teman. Mohd. Esmawi bukan sahaja teman seperjuangan dalam bidang seni dan sastera tetapi juga adalah teman berbicara. Wacana kami sama. Kami tidak berbicara tentang golf, tentang joran, tentang tanah, tentang saham dan seumpamanya, tetapi tentang teater, sastera, seni, budaya dan apa-apa pemikiran yang menjurus ke arah itu. Seperti selalunya dalam sesbuah wacana perbicaraan kami sering dikaitkan dengan keindahan, estetika, pemikiran dan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan seni.

Tempat kami berbicara tidak formal: selalunya di kantin, di restoran atau di warung, atau di pekarangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), atau di rumah kerehatan semasa kami bersama-sama menjadi pembimbing bengkel teater. Itulah dunia saya, dan itulah dunia Esmawi. Walaupun dia pelukis, saya bukan; saya pen-ceramah bahasa Melayu, dia bukan; saya sekali-sekala bermain tenis,

dia tidak; tetapi seperti halnya dengan rakan-rakan seniman yang lain ada titik pertemuan di antara kami dalam dunia teater dan sastera. Namun Mohd. Esmawi bukan sekadar teman seperjuangan: dia adalah sahabat, jiran, guru, abang, dan teman berbicara yang mudah untuk dibawa berbual tentang seni dan teater. Namun, sekembalinya beliau ke rahmatullah sepuluh tahun yang lalu saya kehilangan teman

berbicara itu. Saya terkesan bahwa rupa-rupanya kita kesunyian dalam lautan manusia apabila tiadanya teman berbicara dalam arena yang sama.

Saya mula mengenal Mohd. Esmawi Hj. Husly semasa saya menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Rajang, Bintangor pada tahun 1975. Pada tahun itu jugalah saya menulis dan menentaskan Bila Datang Semangat Si Guntur untuk pertama kali dan mendapat hadiah pengarah terbaik Sarawak. Mohd. Esmawi pada tahun itu sekali-sekala datang ke Maktab Perguruan Rajang untuk menayangkan filem dokumentari Inggeris sambil berjumpa dengan Cikgu Beji Bujang dan isterinya Cikgu Hajijah Abang yang menjadi jiran dan rakan sekerja saya di maktab. Masih jelas dalam ingatan saya bagaimana Mohd. Esmawi berlalu di depan flat pensyarah tempat saya tinggal sambil menyapa saya dengan senyuman dan kemesraan. Cikgu Beji dan Cikgu Hajijah adalah kawan lama sekuliah Esmawi semasa mereka menjadi guru pelatih di Maktab Perguruan Batu Lintang pada tahun 1963-1964. Beliau meninggalkan bidang Perguruan dalam tahun 1973 untuk berkhidmat dengan The British Council. Dalam rangka lawatan kerja dengan The British Council ke maktab itulah saya berjumpa dan berkenalan dengan Esmawi. Dalam perbualan kami lama sesudah itu Esmawi selalu menyebut, dengan bangganya, bahawa Adi Radiozaman Tuah itu salah seorang daripada muridnya semasa beliau menjadi guru di daerah Tatau-Sibuti.

Saya dapat melihat kemaknaan latar belakang Esmawi sebagai guru dan kerjanya dengan The British Council ini dalam hubung kaitnya dengan dunia teater dan sastera yang diceburinya kemudian dalam konteks teater dan sastera kebangsaan. Apabila berpindahnya saya ke Kuching untuk berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981, saya semacam dipertemukan semula dengan Esmawi selain mula berkenalan pula dengan rakan-rakan seniman yang lain. Pada tahun 1981 itu saya terus dibawa masuk oleh rakan-rakan teater untuk menganggotai Rumpun Seni Drama Sarawak (Rusda) dan terus menjadi Ketua I manakala Esmawi menjadi Ketua II dan A.B. Nor selaku

penasihat di samping Zainol Abidin Abdul Rahman (Pengarah Arkib). Pada tahun itulah kami terus mengikut Pesta Teater Malaysia di Kuala Lumpur dengan drama saya "Bumiku Oh Bumiku" yang memperoleh hadiah khas kerana membawa pembaharuan konvensi teater. Saya selaku pengarah dan Mohd. Esmawi selaku penolong pengarah di samping Mahmud Yusuf, Mohd. Esmawi juga berperanan sebagai perekam pencahayaan. Tampaknya dengan pementasan drama tersebut saya belum begitu menerima banyak input daripada rakan-rakan teater terutamanya daripada Mohd. Esmawi, A.B. Nor, Kassim Daud dan Mahmud Yusuf yang terlibat dalam pementasan tersebut, mungkin kerana sifat rendah diri mereka dan tidak muhu menonjol yang memang berlaku dalam masyarakat kita.

Esmawi sebelum itu memang sudah terlibat dengan Kuching Amateur Dramatic Society dan di pentas beliau banyak juga berlakon dalam drama Inggeris di radio. Rapatnya Esmawi dengan teater dan drama Inggeris memang terkesan. Hubungan beliau dengan The British Council menyebabkan beliau cukup terdedah dengan drama-drama Inggeris dan kumpulan teater dari Britain. Malah beliau pernah menghadiri bengkel teater Royal Lyceum Company (1972), Watford Palace Theatre (1976), selain bengkel-bengkel lain selepas itu. Dengan latar belakang yang demikianlah Esmawi saya anggap istimewa; istimewa kerana saya semacam melihat persamaan Esmawi dengan Mohammad Haji Salleh yang kembali ke akarnya setelah berada di luar budaya Melayu, tetapi Esmawi atau barangkali juga Mohammad Haji Salleh, sebenarnya tidak pernah tercabut terus dari tradisinya. Malah dalam pergaularan saya demikian kampung. Beliau sering rindu pada kampung iruannya, Semop.

Esmawi juga adalah satu-satunya seniman yang saya lihat amat cepat meningkat, walaupun dalam usia yang sudah lanjut, dari tradisi yang berbahasa Inggeris ke tradisi yang berbahasa Melayu, misalnya dalam penghasilan karya yang berupa puisi, drama dan cerpen (yang belum diterbitkan). Demikan juga kita lihat penglibatan

beliau dalam pengucapan/deklamasi puisi. Penglibatan dan pergaularan beliau dalam aktiviti teater bersama-sama RUSDA seterusnya dan aktiviti sastera bersama-sama Angkatan Karya dan Gabungan Persatuan Penulis Sarawak serta hingga ke saat-saat akhir hidup beliau amat jelas memperlihatkan kecepatan dan komitmen beliau dalam tradisi yang berpaksikan bahasa Melayu.

Saya pernah menganggap Esmawi sebagai orang teater yang amat kreatif dan matang. Pada tahun-tahun selepas itu, iaitu selepas pementasan "Bumiku Oh Bumiku" pada tahun 1981 itu, saya banyak terlibat dengan Esmawi dalam aktiviti teater dan ini membolehkan saya mengenal Esmawi sebagai satu-satunya seniman teater di Malaysia (bukan sekadar di Sarawak) yang amat kreatif, berfikiran mendalam dari segi estetika, dan halus. Saya memerhatikan kehalusan beliau ini semasa kami bersama-sama membimbang bengkel teater di Daro dan Mukah. Selain sebagai pembimbing teater yang komited dan serius, beliau juga halus dan peka yang memperlihatkan sentuhan atau kemasan yang cukup teliti. Semasa di Daro saya pernah melihat beliau menyentuh gerak laku (inikah yang disebut Brecht sebagai gestus?) peserta wanita dengan meminta peserta tersebut menyelitkan setangkai bunga ros di mulutnya sambil melerekan pandangan ke kanan dengan ekor mata. Saya perhatikan perlakuan itu memang berkesan.

Begitulah Esmawi. Cara beliau mungkin tidak sama dengan cara saya kerana saya perhatikan beliau lebih berorientasikan produk, sedangkan saya dalam teater lebih berminat terhadap proses selain produk. Esmawi pernah meranjangkan saya apabila beliau mengarahkan drama saya "Bila Datang Semangat Si Guntur" pada pertengahan tahun 1991 sebelum beliau meninggal dunia pada akhir tahun tersebut. Saya terperanjat kerana drama tersebut arahan beliau lebih indah dan lebih teatris daripada yang saya arahkan sebelum itu. Imbangan, komposisi, bloking, pergerakan dan elemen-elemen lain di pentas cukup menarik dan lebih berkesan daripada yang saya lakukan. JS

SAR m0072/09

Sri aman

Oleh Majuni Palira

"KEPARAT!!!" Suara berteriak itu memecah kelengkangan malam di sekitar kaki lima sederet kedai di tebing sungai. Dari arah suara itu, meluru keluar seorang lelaki dari dalam kelambu yang tergantung di hujung kaki lima. Cahaya lampu jalan menyuluh malap dan secara tidak langsung batang tubuh lelaki yang hanya bertuala mandi itu. Sebilah parang yang telanjang di tangannya, dihayun ke kiri dan ke kanan, bagaikan ada musuh halimun yang sedang ditentangnya.

"Mana lelaki itu? Aku bunuh dia!" Suara lelaki itu bergetar dengan nada geram dan mengancam.

"Libau, tunggu!" Seorang perempuan ikut keluar dari dalam kelambu yang sama, tetapi dengan langkah yang gontai. Kain kemban yang terlulur di pinggangnya, diperbetulkannya seadanya.

"Putus kepala dia nanti!"

"Dengar dulu!" Suara perempuan itu tersekat-sekat, membendung sendu. Dicubanya merangkul tangan lelaki itu, tetapi dia ditolak dengan kasar. Terduduk dia, menyebabkan kelambu senget sebelah dihenyak tubuhnya.

"Mati disambar buaya pun aku sanggup. Aku memang tidak sangka..!" kata perempuan itu.

"Aku tak dapat terima hakikat itu! Kau bini aku! Bini aku, faham?"

Perempuan atau isteri lelaki itu cuba lagi merangkul tubuh suaminya itu. Sekali lagi lelaki atau suaminya itu menepis tangannya. Rangkul lagi. Tepis lagi. Akhirnya perempuan itu terjelepok di lantai. Dan lelaki itu terus mundar-mandir di hadapan kelambu-kelambu yang banyak tergantung di kaki lima.

"Keluar kau, keparat! Keluar! Tunjukkan kelelakianmu. Kita buat perhitungan sekarang!" Lelaki itu berteriak lagi. Parangnya terus dihayun ke kiri dan ke kanan.

"Keluar kau, keparat! Keluar!" ulang lelaki itu.

Beberapa orang yang terganggu tidurnya, kelihatan terjenguk-jenguk dari dalam kelambu masing-masing. Mereka pandang-memandang sesama sendiri. Hairan.

"Apa hal?" Tanya salah seorang daripada mereka itu kepada rakannya yang berkelambu berdekatan.

"Entah...mungkin mabuk!"



Kelana Akira

"Mabuk apa main-main parang macam itu!"

nya...tentu sekarang sudah terpenggal kepalamnya aku kerjakan!"

Jabu pandang-memandang dengan bininya yang nampaknya baru bangun tidur juga, dan sekarang sedang duduk tercanguk di muka kelambu. Wajah si bini ketara tidak terurus, dengan rambut yang terhurai dan kusut-masai.

"Bagaimana boleh terjadi?"

"Tadi...sewaktu Libau turun menjenguk perahu..." Suara seorang perempuan mencelah, terputus-putus. Semua mata tertumpu kepada perempuan itu. Dia tidak lain daripada isteri Libau yang menapak perlahan-lahan ke arah mereka.

"Ha, Lenti, apa yang lelaki itu lakukan kepada kamu?"

Lenti atau isteri Libau itu diam sejenak sebelum bersuara lagi: "Dia mendatangi aku...gelap...mati-mati aku menyangka Libau..."

"Apa yang lelaki itu buat?"

Jabu bagai tak sabar-sabar bertanya lagi.

Lenti tidak kuasa meneruskan kata-katanya. Sekilas terbayang dalam ingatannya betapa rakusnya lelaki itu beraksi dalam kesamaran malam. Kerana mati-

hati mengeluarkan air mata begitu, dan Libau pula sampai mengamuk macam orang kesasar saja lakunya!

"Aku tahu, si keparat itu dari kalangan kita di sini juga!" kata Libau, tegas.

Jabu terdiam. Rakan-rakan yang lain juga terdiam. Tiada siapa yang menyanggah kata-kata Libau itu. Kata-kata Libau itu memang ada benarnya. Kalau orang luar, masakan dia tahu memilih kelambu dan mencari masa yang sesuai untuk bertindak begitu.

"Putus kepalamnya nanti!" Gerutu Libau. Sambil matanya liar mengawasi pergerakan di kiri dan di kanan, parang di tangannya siap sedia menunggu untuk mencantas kepala si pelaku yang masih dicari dan belum dapat dikenal pasti lagi. "Ini tak boleh jadi!" Seorang rakan yang lain menyampuk.

"Memang tak boleh jadi!" sambut Jabu, terus merapati Libau, walau-pun hatinya sedikit cuak melihat parang yang telanjang di tangan Libau itu.

"Sudah kukatakan...kalau aku tahu si pelakunya, nescaya putus kepalamnya aku kerjakan!"

"Sabar, Libau...kita siasat dulu," kata Jabu, cuba meredakan keadaan.

"Sabar kataku?" Libau menatap muka rakannya itu dengan pandangan yang menyinga garang. "Kalau binikaulah yang diperlakukan begitu, kau masih boleh bersabar?"

"Aku taklah bermaksud begitu...tapi setidak-tidaknya, kita siasatlah dahulu."

"Nak siasat apa lagi? Bini aku dah terang-terang dikerjakan oleh si keparat itu!"

"Tapi kita belum tahu lagi si pelaku itu!"

"Ini Libaulah," Libau menepuk-nepuk dadanya. "Kalau kepala si jahanam itu tidak terpenggal

"Mati disambar buaya pun aku sanggup. Aku memang tidak sangka..!" kata perempuan itu.

"Aku tak dapat terima hakikat itu! Kau bini aku! Bini aku, faham?"

Perempuan atau isteri lelaki itu cuba lagi merangkul tubuh suaminya itu. Sekali lagi lelaki atau suaminya itu menepis tangannya. Rangkul lagi. Tepis lagi. Akhirnya perempuan itu terjelepok di lantai. Dan lelaki itu terus mundar-mandir di hadapan kelambu-kelambu yang banyak tergantung di kaki lima.



aku kerjakan nanti, jangan sebut nama aku!"

Jabu terdiam. Dia tahu Libau sedang hilang pertimbangan akalnya kerana dikuasai api kemarahan. Lagipun, mahu cakap banyak-banyak, untuk apa? Silapsilap cakap, parang melayang ke leher, tentu naya!

"Mati kau nanti! Mati!" Teriak Libau, tiba-tiba. Serentak dengan itu, parangnya dihayun ke arah tiang, seolah-olah tiang itulah manusia yang telah mengambil kesempatan ke atas isterinya sebentar tadi.

"Cepat betul!"
"Apa yang cepatnya?"

"Bukankah baru sekejap tadi?"

"Apa yang tadinya?"
"Jangan berguraulah!"

"Apa pula bergurau? Aku memang tidak tahu maksudmu!" kata Libau, hairan. "Bukankah aku ini baru balik dari menjenguk perahu?" Entah, mendadak saja munculnya kehairahan dan keinginannya pada tubuh isterinya itu sepulangnya dia dari menjenguk perahu.

Libau perasan isterinya kehairanan juga. Dan reaksi isterinya itu membuat dia tidak puas hati, lantas mendorongnya untuk bertanya lagi, bertubi-tubi, dengan nada suara yang tinggi: "Cakap, apa maksudmu itu? Adakah kau sudah tidak mahu melayan aku lagi?"

"Apa, bukan kamukah yang tadi itu?"

"Maksudmu?"
Libau masih ingat, isterinya kelihatan gelisah dan serba salah.

"Cakap, apa maksudmu?" desak Libau. Dalam fikirannya sudah menjelma gambaran yang tidak indah, gambaran yang menyentuh maruahnya sebagai seorang suami.

Isterinya tidak menjawab.
"Maksudmu...ada orang yang telah menidurimu sewaktu ketiadaanku sebentar tadi?" Libau

terus menduga dengan suara yang keras.

Isterinya terus diam. Hanya cucuran air matanya mengiyakan kata-kata Libau itu.

"Keparat!" jerit Libau seraya menyambar parang yang terletak berdekatan dengan kepala-nya.

"Libau, tunggu!"
Libau menghayunkan lagi parangnya ke arah tiang yang berdekatan.

Jabu dan rakan-rakan yang lain, yang sama-sama datang dari kawasan hulu Batang Lutar untuk membeli-belah sedikit sebanyak keperluan harian di Bandar Sri Aman, dan terpaksa bermalam di kaki lima sederet kedai di tebing sungai, kerana perjalanan yang jauh, pandang-memandang sesama sendiri. Tiada siapa yang berani berketik, apakah lagi menegur gelagat Libau itu. Semua mereka tahu, Libau mengamuk kerana isterinya ditiduri orang semasa dia turun sekejap menjenguk perahu-nya yang tertambat bersama perahu-perahu yang lain tidak jauh dari situ.

Dalam situasi begitu, memang patut Libau menyentak parang. Susah-payah dia mengayuh perahu sehari suntuk menghilir Batang Lutar bersama isterinya, dan terpaksa pula bermalam jauh dari rumah panjang, senang-senang saja orang berbuat khianat kepada-nya dengan mengambil kesempatan ke atas isterinya yang baru dikahwininya dua tiga bulan yang lalu itu. Siapa boleh sabar? Siapa yang tidak mengamuk?

Jabu memandang ke arah isterinya yang sedang bercakap-cakap dengan isteri Libau. Suara mereka amat perlahan. Tapi Jabu tahu, mereka tentunya membicarakan tentang musibah yang telah menimpa isteri Libau itu. Entah, jadah apa pula, sekilas fikirannya membayangkan isterinya pula diperkosa orang ketika ketiadaannya!

Bayangan itu cukup membuat dia menggertarkan giginya. Memang, kalau isteri aku diperlakukan begitu, aku juga akan mengamuk seperti Libau! Siapa sanggup melihat bininya senang-senang diambil kesempatan oleh lelaki lain? Siapa? Fikir Jabu.

"Tunjukkan diri kau, keparat!"

Teriakan itu memecah lagi keheningan malam. Perhatian Jabu kembali tertumpu kepada Libau. "Tunjukkan diri kau, keparat! Kita buat perhitungan sekarang!"

"Hoi, dengar sini...siapa kacau bini Libau?" Jabu tolong menyiasat.

Tiada siapa yang menjawab.
"Siapa kacau isteri Libau?" ulang Jabu.

Masih tiada yang menjawab. Hanya kepala-kepala sahaja yang kelihatan menjengul keluar dari dalam kelambu masing-masing.

Jabu mengikut Libau berjalan mundar-mandir di hadapan kelambu-kelambu yang ada di situ.

**"Apa pula bergurau? Aku memang tidak tahu maksudmu!" kata Libau, hairan.
"Bukankah aku ini baru balik dari menjenguk perahu?" Entah, mendadak saja munculnya kehairahan dan keinginannya pada tubuh isterinya itu sepulangnya dia dari menjenguk perahu.
Libau perasan isterinya kehairanan juga. Dan reaksi isterinya itu membuat dia tidak puas hati, lantas mendorongnya untuk bertanya lagi, bertubi-tubi, dengan nada suara yang tinggi:
"Cakap, apa maksudmu itu? Adakah kau sudah tidak mahu melayan aku lagi?"**

Di tangan Libau masih kejap tergenggam parang yang sedang mencari mangsa.

"Tunjukkan mukamu, pengecut!" teriak Libau lagi, sambil matanya melilau ke kiri dan ke kanan. Dalam keadaan yang samar-samar begitu, dia dapat melihat kepala-kepala yang menjenguk ke luar dari dalam kelambu masing-masing. Libau tahu, satu daripada kepala itu kepunyaan orang yang sedang dicarinya. Tapi yang mana satu?

"Tunjukkan mukamu!"

Teriak Libau terus-terusan. Dengan geram yang semakin menjadi-jadi, dia menghayunkan parangnya sekali lagi ke tiang yang berdekatan. Bergegar tiang itu. Sebuah kelambu yang terikat di situ kelihatan bergegar-geger juga kerana bahan hayunan itu. Tetapi tuan punya kelambu hanya tercengang-cengang sahaja.

"Siapa kacau bini Libau?"

Kata-kata itu berpindah dari bibir ke bibir. Mereka saling bertanya sesama sendiri. Tetapi tiada siapa pun yang memberi jawapan yang pasti, apakah lagi mengaku bertanggungjawab. "Entah," dan "Manalah aku tahu", hanya jawapan itu sahaja yang kedengaran. Kebanyakan mereka hanya menggeleng-gelengkan kepala.

Malam sudah merangak ke dinihari. Suasana sepi, sesepinya.

Apabila usaha mencari si perogol senyap itu menemui jalan buntu, Libau pun memberi ingat kepada mereka yang berkelambu di kaki lima itu: "Perkara ini belum selesai lagi. Aku akan terus mencari si keparat itu walau ke lubang cacing sekali pun! Aku belum puas hati selagi parang di tangan aku ini belum bermandi darah!"

Setelah berkata-kata begitu, Libau pun beredar menuju ke kelambunya, diikuti oleh isterinya yang masih kelihatan sugul dan berjalan gontai.

Setelah keadaan kembali tenang, Jabu senyap-senyap keluar dari dalam kelambunya yang terpasang lat tiga atau empat buah kelambu dari kelambu Libau dan Lent. Dengan langkah teratur, Jabu turun ke gigi air. Suasana yang bening dan cuaca yang sejuk menimbulkan keadaan yang cukup nyaman baginya.

Sampai di gigi air, Jabu melontarkan pandangan ke arah, ke arah sekitaran bandar Sri Aman yang menjadi tumpuan membeli-belah orang-orang Iban dari kawasan hulu.

"Ah, Sri Aman...memang cukup nyaman!" bisik Jabu sambil tersenyum, sebelum menapak ke arah perahu yang tertambat tidak jauh dari perahu Libau. Sambil menapak, fikirannya membayang-bayangkan isteri Libau. Isteri Libau memang masih muda, masih kencang, dan jauh lebih cantik daripada isterinya. Hati Jabu cukup puas dengan lakaran peristiwa yang ada dalam ingatannya. Terasa kejaguhan dirinya. Baginya, kehebatannya bagaikan kehebatan Bujang Senang, raja segala buaya yang ada di Batang Lutar. Siapa yang tidak kenal Bujang Senang? Bujang senang tidak pernah kenal mangsa!

Senyuman Jabu pecah menjadi ketawa yang terkikih-kikih. Tetapi, tidak lama selepas itu, tidak semena-mena dia terasa ada sesuatu yang perkasa menerkam pahanya yang separuh tenggelam di dalam air. Belum sempat dia berbuat apa-apa, tubuhnya sudah ditarik dengan pantas ke tengah arung.

"Tolong! Tolong!!"

Hanya itu sahaja yang sempat disuarakannya sebelum dia dibawa tenggelam ke dalam air. JS

"Tunjukkan mukamu, pengecut!" teriak Libau lagi, sambil matanya melilau ke kiri dan ke kanan. Dalam keadaan yang samar-samar begitu, dia dapat melihat kepala-kepala yang menjenguk ke luar dari dalam kelambu masing-masing. Libau tahu, satu daripada kepala itu kepunyaan orang yang sedang dicarinya. Tapi yang mana satu?

SAE 10073/09

Satira politik dalam Air Hati

Oleh Jeniri Amir

TIDAK ramai daripada penulis Sarawak yang cenderung menulis karya politik atau yang berunsur politik. Yang telah mencuba untuk menggarap tema dan persoalan politik dalam cerpen setakat ini ialah Abang Patdeli Abang Muhi. Kini, seorang lagi penulis cerpen Sarawak yang cuba menyorot persoalan politik ialah Awangku Merali Pengerahan Mohammed (Jendela Sarawak Ogos 2001). Seperti dalam novel politik, cerpen politik menampilkkan idea atau milieu politik sebagai unsur dominan dalam karya. Maka, tulisan ini akan meninjau aspek politik dalam Air Hati dengan tumpuan utama diberi terhadap nilai yang didukung oleh watak utama, Datuk dan pembantunya.

Cerpen yang tepu dengan satira politik itu memperlihatkan bagaimana penulisnya menyindir perilaku ahli politik dan konco mereka, baik dari segi cara berfikir atau bertindak. Dengan ketajaman mata penanya, pengarang menyindir melalui lambang dan petanda tertentu terhadap tindak-tanduk dan cara berfikir ahli politik yang ingin mengekal-kal kehadukannya. Wacana politik digarap dengan menggunakan pelbagai teknik, termasuk menyelitkan unsur realisme magis, jenaka, dan seumpamanya bagi memastikan kesannya lebih menyengat. Persoalan politik yang cuba diserlahkan melalui realiti imaginatif dan kreatif ini boleh sahaja menggambarkan realiti objektif di alam nyata. Sindiran pengarang bukan sahaja halus tetapi tajam menyengat. Siapa yang makan lada, dia pasti akan berasa pedas. Ketika meneliti cerpen ini, imaginasi kita tidak dapat tidak, meliar kepada beberapa peristiwa yang membabitkan ahli politik elit di negara kita.

Politik, kata bijak pandai ialah seni yang memungkinkan. Apakah yang tidak mungkin dalam politik? Demi kuasa, ahli politik, termasuk protagonis dalam cerpen ini sanggup melakukan apa-apa sahaja waima terpaksa menitiskan air mata untuk merayu simpati dan undi rakyat. Tetapi, air mata itu sebenarnya sekadar ‘air mata buaya’ yang bukan datang dari hati dan kolam rasa yang jernih dan ikhlas kerana hatinya sudah tidak lagi sensitif kepada rakyat. Air mata itu tidak datang dari hati, sebaliknya memperlihatkan sikap hipokrit atau kepalsuan ahli politik berkenaan. Rakyat juga tidak mudah terpedaya oleh tipu muslihat Datuk.

Datuk yang digambarkan sebagai ahli politik yang terdesak, kerana ingin sekali lagi dicalonkan dalam pilihan raya meskipun sudah berjanji, tidak akan mahu lagi bertanding, berusaha dengan apa-apa cara sekalipun untuk memenangi rakyat waima dengan memerah air matanya sendiri. Semua itu, sebagaimana lakonan dalam filem Bollywood dan filem Melayu hanyalah sebagai lakonan.

Rakyat biasa yang diwakili oleh petani dan nelayan tidak semudah itu untuk terperangkap oleh tipu muslihat Datuk, kerana menyedari bahawa Datuk mempunyai muslihat dan agendanya sendiri. Bagi mereka, ‘air mata mereka sudah kering’, dan kekeringan itu adalah kerana penderitaan yang ditanggung akibat daripada kesusahan dan kemiskinan. Masalah sosial seperti penagihan dadah, anak luar nikah, seks sebelum kahwin merantai masyarakatnya - sekali gus membayangkan kegagalan ahli politik berkenaan untuk menyelesaikan masalah rakyatnya. Selain

masalah sosial, masalah kemiskinan turut membelenggu rakyat hingga mereka tidak mempunyai cukup wang untuk membeli makanan. Malah, hendak membeli subang pun mereka perlu menjual kehormatan.

Adakah ini korban daripada pembangunan atau merupakan sindiran pengarang terhadap ketidakupayaan pemimpin politik untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan rakyat? Kemiskinan, penderitaan dan latar yang dilukiskan oleh penulis, iaitu gubuk buruk dan kawasan setinggan disengajakan oleh pengarang bagi menimbulkan unsur pertentangan duaan atau *binary opposition*, iaitu pertentangan antara pemimpin dan rakyat, dan antara golongan kaya dengan golongan miskin. Disebabkan oleh penderitaan yang dialami, mereka terpaksa melakukan semacam pelarian, dengan menerima kehidupan sebagai sesuatu yang jenaka dan kelucuan. Dengan demikian, mereka dapat menghadapi realiti pahit kehidupan. Sebagai rakyat miskin, banyak persoalan timbul di benak mereka, tentang bagaimana dalam sebuah negara kaya mereka tetap dibelenggu kemiskinan.

Datuk hairan bagaimana tipu muslihatnya tidak menjadi. Rakyat yang diharapkannya turut menangis apabila melihat beliau menangis, sebaliknya menganggap perbuatannya itu sesuatu yang melucukan. Akhirnya dia tertanya-tanya: “Mengapa kamu tidak menangis apabila saya menangis tadi? Mengapa?” Bagi rakyat, kalau dia mengeluarkan air mata lebih besar daripada air mata dinosaurn pun, mereka tidak akan menangis. Ini merupakan satu sindiran hebat dan sekali gus satu pukulan kepada ahli politik yang sanggup merendahkan maruah dan harga dirinya hanya kerana ingin meraih undi rakyat. Benarkah rakyat tidak ada hati? Atau ahli politik itu sebenarnya yang tidak ada hati? Perhatikan bagaimana dia terpasa memikirkan pelbagai peristiwa sedih - itu pun atas cadangan pembantunya - bagi membolehkannya menitiskan air mata, termasuk memikirkan bagaimana jenazahnya dimasukkan ke dalam kubur.

Sesungguhnya, rakyat tidak mudah menitiskan air hati kerana bak kata pembantu Datuk berkenaan “Air hati ini dikaut oleh jiwa yang dijana oleh perasaan yang bersih. Air hati muncul daripada perdu perasaan pemimpin. Berbeza dengan air mata, adalah air mata yang terbit untuk dilihat dan ditonton”. Maka, yang rakyat sebenarnya lebih ikhlas daripada pemimpin, dan mereka tidak pandai berpura-pura. Sedangkan tujuan pemimpin hanyalah untuk menang dalam pilihan raya dan dijulang ke persada kuasa, dan untuk menang mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja walau terpaksa berpura-pura dan berbohong.

Ketidakjuranan ahli politik berkenaan jelas terpancar daripada tindak-tanduknya. Ahli politik ini sebenarnya bertindak bukan berdasarkan pemikirannya tetapi lebih banyak membuat keputusan atas nasihat penasihatnya yang tidak kurang tololnya walaupun Datuk melihat pembantu itu sebagai orang yang sarat dengan idea berasas. Walaupun cadangan pembantu itu kelihatan tidak munasabah dan hanya berupa ‘cadangan sampah-sarap’ namun ‘bagi orang yang terdesak apa sahaja cadangan adalah strategi’. Kalau air mata difikirkan dapat dijadikan sebagai senjata berkesan untuk mendapatkan simpati dan kuasa, maka ahli politik berkenaan tidak akan teragak-agak untuk

memerah air matanya, dengan cara tidak jujur, tentunya. Tetapi bagi ahli politik seperti Datuk, kejujuran bukan menjadi persoalan utama kerana bak kata pembantunya, politik tidak mengira kejujuran kerana yang penting ialah survival. Persetakan dengan kebenaran dan fakta kerana kebenaran dan fakta dapat diputusbelitkan jika perbuatan itu dapat menjamin kuasa dapat diperoleh.

Kenyataan dan retorika politik yang digunakan oleh Datuk dalam cerpen ini, tidak jauh bezanya dengan realiti objektif. Bukanlah pernyataan seperti perjuangan mereka berusaha untuk memastikan kedamaian, kemakmuran, betapa pentingnya rakyat berterima kasih dan bersyukur dan seumpamanya itu tidak asing lagi dalam dunia politik sebenar? Malah, propaganda Datuk dengan menyatakan perjuangannya adalah untuk menentang orang asing yang cuba menggugat ketenteraman negara dan ingin berdiri di hadapan untuk menyatapadukan rakyat supaya negara terus kuat, juga bukan sesuatu yang hanya dalam imaginasi penulis.

Juga, adakah kita tidak pernah mendengar ahli politik yang mendakwa perjuangannya adalah untuk membasmikan kemiskinan yang dicipta oleh kapitalis dan imperialis asing? Sedangkan, sebagaimana dilukiskan dalam cerpen ini, rakyat tetap hidup miskin, tinggal di gubuk usang, menghadapi masalah untuk membeli keperluan asas, dan seumpamanya. Singkatnya, masalah sosioekonomi yang dijanjikan untuk di perjuangkan itu, tetapi membelit rakyat hingga mereka sudah terlalu biasa dengan segala penderitaan dan kesengsaraan itu. Maka, segala janji Datuk hanya dianggap sebagai jenaka dan mitos semata-mata.

Watak Datuk ialah gambaran pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Disebabkan kuasa dan nafsu, termasuk nafsu seks, dia sanggup melakukan apa-apa sahaja. Dia pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan lepas tangan dalam soal menyelesaikan penyakit sosial yang dihadapi oleh rakyat. Baginya, tanggungjawab itu terletak pada ibu bapa; dan mereka yang perlu menjawab di padang Mahsyar nanti. Yang menjadi agenda ialah kuasa, kekayaan dan bagaimana untuk melampiaskan nafsu. Watak Datuk ini dilukiskan sebagai pemimpin yang bukan sahaja tidak jujur, tetapi juga lemah dari segi iman dan longgar dari segi akhlaknya. Petikan berikut menggambarkan perwatakannya:

“...Itu pun disebabkan dia tidak sempat memohon maaf daripada ibunya atas perbuatannya yang lepas-lepas. Pernah muda, katakan. Jangan anjaya anak gadis oorang kata ibu, tetapi dia buntingkan juga anak gadis, kemudian dia tinggalkan. Jangan berniat buruk kepada orang lain, nasihat ibunya, tetapi dia hasut Siti Wardika meninggalkan suaminya untuk menjadi isterinya yang ketiga. Amalkan kejujuran, kata ibunya, tetapi dalam kerjayanya mana ada kejujuran. Menang dalam sesuatu pertandingan seperti orgasma di ranjang. Itulah sebab dia sama-sama meminati politik dan wanita”.


Hinggakan selepas gagal mempengaruhi rakyat, ketika berada di dalam keretanya, dia memikirkan adegan seks apabila dalam baris akhir pengarang menyatakan: “Siti Wardika perlu ditumpaskan pada malam ini”. Apakah yang menjadi agenda pemimpin seperti

Datuk itu: rakyat atau kepentingan diri dan nafsunya? Jika perlu, rakyat hendaklah dikerah, termasuk menghimpunkan mereka di dalam stadium untuk menyebarkan propaganda dan mempengaruhi mereka agar menyokong pemimpin. Hakikat bahawa strategi yang digunakan oleh Datuk bukan sesuatu yang asing di dunia nyata, memperlihatkan bahawa rakyat sentiasa dipergunakan demi kepentingan dan survival politik.

Ironinya, rakyat sanggup diperlakukan sedemikian meskipun hanya dihidangkan dengan nasi bungkus dan diberi seringgit dua. Penyanyi wanita sering dijadikan umpan untuk menarik minat rakyat supaya datang berbondong-bondong ke perhimpunan berkenaan. Tetapi, di majlis itu, Datuk tersebut sekali-kali ketika hendak menyampaikan ucapan, kerana tekaknya terasa gatal, dan kahak berpintal degil. ‘Kahak’ yang digunakan oleh penulis itu perlu ditafsirkan sebagai unsur jelek pada pemimpin itu. Dalam ucapan itulah, muslihat sebenar Datuk terserlah. Dia menagih simpati daripada rakyat agar sekali lagi diberi peluang walhal sebelum itu dia pernah berjanji untuk berundur. Dia mahu membuktikan bahawa dia masih berkemampuan untuk memimpin. Katanya, perjuangannya untuk mengubah nasib bangsa, termasuk menghapuskan kemiskinan belum selesai. Walhal, itu hanyalah helah, kerana jika berdasarkan logik tersebut, bermakna, selagi bangsanya miskin maka selagi itulah dia akan berkuasa. Perjuangan tidak akan mungkin selesai. Dalam majlis itu Datuk turut mewar-warkan propagandanya, dengan meminta agar rakyat bersyukur kerana negara makmur, selain menyentuh isu perpaduan, betapa pentingnya mempertahankan negara daripada diancam oleh kuasa asing, dan sebagainya.

Dengan mentafsirkan unsur petanda dan penanda yang banyak terdapat dalam cerpen ini, kita dapat menganalisis makna dan mesej yang cuba dihantar oleh pengarangnya. Pengarang telah mengambil kira penggunaan aspek tersebut dengan teliti sesuai dengan unsur satira yang cuba diketengahkannya. Dengan memasukkan unsur jenaka, pertentangan duaan dari segi kehidupan pemimpin dan rakyat, serta realisme magis, sebagaimana terdapat dalam peristiwa Datuk mendapat terdapat garam, dan bukan air mata di pipinya, pengarang berjaya menyampaikan mesej melalui cerpen yang menyindir pemimpin tertentu yang mungkin wujud di alam nyata. Ternyata, cerpen ini banyak berisikan dimensi politik dan refleksi kesedaran sosial.

Kritikannya tajam, jujur dan berani. Strategi teksualnya menyelitkan unsur *metafiction*, monolog dalaman, kilasan imaginatif dengan mengintertekstualkannya dengan realiti objektif dalam politik sebenar. Pengarang menyindir perlakuan dan tindakan ahli politik yang tidak mahu berundur, tamak kuasa, tidak bertanggungjawab, bermoral rendah, dan gagal menyelesaikan masalah sosioekonomi yang didakwa cuba diperjuangkan melalui politik. Tidak syak lagi cerpen ini dapat kita golongkan sebagai cerpen pascamoden apabila pengarangnya mengadunkan unsur realiti dan unsur bukan realiti, dan ada ketikanya peristiwanya dapat disentuh dengan logika, tetapi peristiwa dan waktu yang lain terdapat semacam unsur ilusi dan fantasi. Kejayaan cerpen ini bukan sahaja terletak pada kekuatan daya imaginasi Awangku Merali mengadunkan peristiwanya relevan untuk memperkuat idea utama dan memperkembangkan plot, tetapi juga kekuatan dimensi politik yang disampaikan dengan teknik yang berkesan. **JS**



Tajuk Buku: Meredah Ombak Keributan

Penulis: Jong Chian Lai

Terbitan: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tahun terbit: 2001

Halaman: 379

CARA terbaik untuk menggambarkan novel terbaru karyawan ulung Sarawak ialah melihat intipati pemikiran novel ini dari sudut gaya pandang *subaltern studies*. Konsep ini diperkenalkan oleh Antonio Gramsci intelek Itali yang dipenjarakan lebih daripada 35 tahun kerana ketajaman mata penanya. *Subaltern* bermakna manusia terpinggir akibat berlakunya hegemoni dalam sistem kehidupan. Hegemoni merujuk kepada dominasi dalam kehidupan. Dalam konteks kajian ‘golongan terpinggir’ termasuklah manusia yang kehidupan ditekan oleh pihak yang lebih berkuasa atau dikenali sebagai hegemoni daripada sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Antara kelompok *subaltern* termasuk masyarakat kelas pekerja yang terabai kehidupan mereka, orang-orang tua, penduduk setinggan yang kesemuanya mempunyai ciri dan unsur penindasan.

Sekiranya ditinjau dari isi, ternyata novel ini mengemukakan penderitaan warisan. Suasannya ialah suasana manusia pinggiran dalam kehidupan estet. Masalah stereotip yang lazim diketengahkan apabila merujuk estet; ketagihan todi, kemiskinan, pengabaian kasih sayang dan sistem yang wujud tidak mampu menyelesaikan masalah. Thevanai watak utama novel ini diasuh dengan penderitaan dan penyeksaan lebih-lebih lagi apabila memiliki ayah yang pemabuk sebelum diserahkan kepada bapa saudaranya yang juga memiliki tabiat yang sama. Bapa saudaranya telah memperkosa Thevanai sehingga Thevanai lari ke bandar. Di sinilah beliau dilingkari dengan noda dan dosa. Daripada pencuci pinggan restoran di bandar, diperdaya pula hingga menjadi penjual maruah diri di lorong-lorong gelap. Di sinilah kehidupan hitam menyelubungi hidupnya. Di sinilah juga Thevanai menemui lelaki di lorong gelap yang menderita, dan atas dasar kemanusiaan atau sedar bahawa

Meredah Ombak Keributan

Pengulas Awang Azman bin Awang Pawi

SAR 2007/09

lelaki tersebut sama tara sosial, Thevanai menyelamatkannya dengan membawanya balik ke rumah dan kemudiannya bersekuadukan.

Keinsafan bisa terjadi di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan tempat. Thevanai sanggup bertaubat. Suaminya sering bertukar kerja. Menjadi buruh kasar, tukang jaga kilang elektronik, pekerja kontrak membina jalan di lebuh raya baru, kemudian tidak mempunyai kerja tetap kecuali sekali-sekali mengikut lori barang dari Seremban ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Namun yang lebih mengecewakan Thevanai ialah suaminya kembali ke dunia dadah, meskipun pada mulanya pernah berjanji akan meninggalkan tabiat buruknya. Rajendran tidak dapat lari daripada tekanan sosial tersebut akibat kesempitan sosial dan persekitarannya. Pekerjaan tidak menentu, masalah hutang dikelilingi pinggang dan sebagainya.

Pasangan tersebut mempunyai anak; Mutusamy, Selvarani, Balasundaram dan Rajasegaran. Juga mengalami penderitaan warisan. Yang dinamakan penderitaan warisan ialah apabila berlakunya penderitaan yang hampir berulang-ulang selama lebih daripada dua keturunan. Penderitaan warisan yang dimaksudkan dalam teks ini ialah ayahnya; selain peminum todi, juga penagih dadah kronik. Ibunya, Selvarani mengalami trauma yang tidak sedikit. Bukan sahaja terpaksa menampung kehidupan anak-anaknya untuk membesar dengan melaruk bahkan juga sebagai pembalasan dendam kesumat terhadap kehidupan masa lampau. Dengan menundukkan lelaki, menyebabkan keluarga orang lain berpecah-belah, Thenavai seakan puas. Barangkali inilah kemenangan dendam atau psikologi Thevanai terhadap manusia lelaki yang pernah merosakkan hidup pada masa kecilnya yang menyebabkan penderitaan terus berlanjutan. Malah yang lebih tragik penderitaan tersebut dilanjutkannya kepada anak-anaknya. Anak-anaknya dipaksa bekerja; Mutusamy bekerja di restoran dan dipaksa berhenti sekolah, pernah jadi jaga, bekerja di bengkel, pembantu kelindan, hingga di stesen minyak pada usia kurang daripada 18 tahun;

Selvarani satu-satunya anak perempuan pasangan tersebut tidak dilayan sebagai anak kandung oleh ibunya. Anaknya sepatutnya dididik dengan sempurna telah mula dijual atau dilacurkan pada usia 11 tahun. Pada usia ini juga, anaknya itu dipaksa melayan lebih daripada dua orang dalam sehari. Malah ibunya turut ‘membantu’ membelikannya kondom dan pil perancang keluarga selepas umurnya akil baligh agar tidak mengandung. Ini hampir menjadikan Selvarani manusia keliru; malah sekan-

mula seronok dengan dunia seks sebagaimana ‘dididik’ dengan cara godaan demi godaan Siva yang diupah oleh Thevanai. Selain dipaksa bekerja, kesemuanya anak-anaknya sering menerima pukulan rotan, tali pinggang, dicucuh dengan rokok. Selvarani adalah antara contoh manusia ditindas; setiap kali enggan menurut perintah ibunya untuk dilacur, dia akan dicucuh rokok di punggungnya ataupun dipukul sehingga lebam mukanya. Acap kali terlupa menanak nasi atau memasak air hinggapan rotan atau tali pinggang akan terkena ke badannya. Pendek kata, kesemua jenis pukulan pernah terkena pada ketiga-tiga orang anaknya.

Mengenai masyarakat, sejarah kajian *subaltern* dibentuk berdasarkan kesan bahana dan limpahan pembangunan dan transformasi yang berlaku dalam ruang lingkup produksi ekonomi, akhirnya mewujudkan golongan yang berkuasa dan yang dikenali semangat kapitalis serta melahirkan golongan tidak dapat menempatkan diri dalam arus ini disebabkan hambatan-hambatan, secara tidak langsung membentuk ideologi, mentaliti yang tersendiri dalam kelompok yang agak terasing dan konservatif.

Dalam konteks novel ini, ternyata Thevanai membina ruang naratifnya sendiri dalam konteks legaran hidupnya. Tidak juga benar-benar keluar dari dunia tersebut. Ini mengingatkan akan persamaan gagasan Gramsci yang menekankan golongan terpinggir ini lebih cenderung kepada autonomi sendiri kelompok, *subaltern* tetapi tidak lebih daripada suasana dalam bentuk kerangka lama. Dan kerangka lama ini termasuklah pandangan hidup bahawa kehidupan manusia kotor tersebut tidak berubah. Penderitaan dan kesumat dendam itu terus dilanjut dan diperkembangkan dari generasi ke generasi. Malah boleh hangus apabila datang ke kuil untuk memohon keampunan. Dalam novel ini juga dibayangkan juga bahawa adik Thevanai sebagai inspektor polis sendiri ingin berpindah ke tempat lain cukup menunjukkan betapa golongan terpinggir secara warisan masih lagi dihinggapi trauma masa lampau mereka.

Apabila menyebut tentang manusia terpinggir, tidak dapat tidak harus pula menyebut akan kehadiran manusia mendominasi. Dalam teks ini, kewujudan watak seperti Kandasamy, Nadarajan, Robert dan Tauke Leong adalah antara contoh manusia yang mempunyai kuasa, dan kuasa itu menyebarkan sifatnya tanpa batasan sempadan wilayah sistem kehidupan. Kuasa sebagaimana tanggapan Foucault, tidak dimiliki tetapi diperaktikkan dalam bentuk medan yang mempunyai lurah yang tersendiri

untuk ditembusi secara lebih menyeluruh. Pusatnya terletak kepada individu bukan negara. Di mana-mana sahaja terdapat susunan masyarakat dan sistem, dan selagi manusia mempunyai hubungan tertentu, di situ strategi kuasa terlaksana. Di sinilah watak hitam memainkan peranannya dalam teks ini. Kandasamy menggunakan kuasa sebagai pak cik untuk ‘menakluk’ Thevanai dan menggunakan kuasa wang dengan cuba membantu anak-anak Thevanai untuk mengambil hati semula Thevanai setelah lebih berpuluh tahun tidak menemuinya. Nadarajan menggunakan kuasa pemilik rumah sewa untuk menakluki tubuh Thevanai, juga menunangkan anaknya untuk menutup dosa dirinya dan dosa anaknya, Siva.

Kesemua mereka ini bermain dengan kuasa. Dari satu segi ini dilihat secara kasar tidak dilaksanakan secara negatif dan represif. Luarannya, mereka putih dan bersih perlakuan mereka. Itu sekadar balutan atau permukaan semata-mata. Kesemua watak-watak ini suka membantu ahli masyarakatnya. Tapi manusia terpinggir ini telah dikawal secara tidak langsung melalui beberapa aturan, pertimbangan kemanusian yang diwajarkan oleh kelompok kehidupan manusia sendiri. Dalam teks ini juga pusat pemulihian dan penjara digambarkan yang menempatkan Thevanai dan Ragasegaran sebagai hukuman akibat melanggar norma-norma masyarakat. Dikatakan hukuman sedemikian ini dikatakan bukan untuk membala dendam sebaliknya untuk mencegah agar tidak berlakunya pengulangan. Strategi ini bukannya aspek fizikal yang disentuh atau diutamakan oleh kuasa, sebaliknya jiwa, pemikiran, kesefahaman dan kehendak individu yang mampu menangkap tanda-tanda yang tersebar dalam kod-kod budaya masyarakat. Inilah barangkali dapat diisyaratkan oleh pengarang dalam novel ini apabila memasukkan watak-watak berkenaan ke penjara.

Novel ini merupakan novel pertama dihasilkan di Sarawak bertema masyarakat etnik India. Sudut pandangannya agak berbagai-bagai. Wataknya terdiri daripada berbilang kaum sesuai dengan realiti kehidupan Malaysia. Latar tidak dapat dikesan secara lebih spesifik. Jalan ceritanya menawarkan kesabaran dan ketekunan pembaca untuk mengikutinya. Namun pengungkapan bahasanya cukup mudah. Barangkali Jong ingin menawarkan neo realisme dalam konteks terkini masyarakat Malaysia yang multi etnik. Yang pasti novel ini cukup menjanjikan sumbangan Jong dalam dunia kreatif Malaysia dan Jong barangkali bakal pemenang S.E.A Write Award pada masa akan datang. JS

Lampas Fikir Medan Pertemuan Penulis

Oleh Zaidel Jamil

SAR m0075/09



Panel Sesi Lampas Fikir, dari kiri Hazami Jahari, Zasran Abdullah, Haji Abdul Rahman Yusof, Haji Jeli Bohari dan Abdillah Sim.

WARGA penulis, dan pencinta bahasa dan sastera di Sarawak diseru agar sentiasa memajukan diri dalam bidang yang diceburi untuk memastikan perkembangan bahasa dan sastera di Sarawak sentiasa berkembang.

Menurut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak, Haji Abdul Rahman Yusof, pihaknya dengan dorongan dan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa menganjurkan pelbagai aktiviti berbentuk kebahasaan dan kesusteraan yang bertujuan untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan pakar bahasa dan penggiat sastera di negeri ini. Katanya, pendukung gerakan kebahasaan dan sastera amat beruntung kerana Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa memberikan bantuan untuk

memastikan matlamat melahirkan lebih ramai pakar bahasa dan penggiat sastera di Sarawak bertambah. Menurut beliau, Anugerah Sastera Negeri Sarawak adalah antara tanda sokongan dan dokongan padu Kerajaan Negeri Sarawak dalam memastikan Sarawak sentiasa mempunyai pelapis dalam bidang kesusteraan. Beliau berkata demikian ketika berucap memberikan kata alu-aluan kepada golongan penulis dari seluruh Sarawak di Sesi Lampas Fikir bertempat di Balai Budaya DBP Cawangan Sarawak, baru-baru ini.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh seramai 30 orang yang terdiri daripada pertubuhan dan kelab penulis dan pencinta bahasa dan sastera dari seluruh Sarawak.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua 1 Persatuan Penulis Utara Sarawak

(PUTERA) Haji Jeli Bohari Biha, Tmbalan Pengerusi Merangkap Pengerusi Angkatan Sasterawan Sarawak (AKSARA) Encik Abdullah Suut Majalis.

Menurut Haji Abdul Rahman, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sentiasa membuka pintunya kepada kelab dan persatuan penulis di Sarawak untuk bekerjasama menjalankan aktiviti berbentuk bahasa dan sastera untuk kebaikan penduduk setempat.

Malah, tambah beliau, sesi lampas fikir ini pun diadakan antara lain bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti kelab dan persatuan penulis di seluruh Sarawak dengan kalender aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sebagai aktiviti bersama pada tahun hadapan.

Katanya, dengan adanya perbincangan dari hati ke hati antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kelab dan persatuan penulis maka segala aktiviti yang dirancang untuk tahun hadapan dapat dirancang dengan teliti.

Majlis Sesi Lampas tersebut ternyata mendapat respon yang baik daripada para peserta apabila banyak idea yang kreatif dilontarkan.

Antaranya, datang dari wakil Sarikei, Puan Sriwati Labot mencadangkan agar pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak menganjurkan Bengkel Motivasi Penulis untuk golongan penulis yang semakin malap di persada penulisan.

Cadangan beliau itu telah dipersetujui oleh hampir kesemua peserta yang hadir ke majlis tersebut untuk memastikan golongan

penulis yang sudah "berpencen" menulis bermotivasi menulis semula.

Selain itu, ada juga cadangan supaya kelab atau pertubuhan penulis khususnya di Kuching dapat diperbanyak.

Saudara Piee Ling, mencadangkan agar dapat diperbanyak lagi kelab atau pertubuhan penulis di Kuching bagi memastikan ikatan para penulis sentiasa padu. Cadangan itu turut dipersetujui oleh pendeklamator Saudara Pharo Abdul Hakim.

Terdahulu sebelum itu, beliau telah bermesyuarat dengan pengurus kelab dan persatuan penulis dari seluruh Sarawak bertempat di Bilik Mesyuarat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Antara peserta yang hadir ke majlis tersebut termasuklah penulis wanita veteran Sarawak Puan Latifah Shebli. JS



Pharo Abdul hakim, salah seorang penulis yang meluahkan isi hati semasa sesi Lampas Fikir diadakan.

Makmal Penulisan Karya Remaja

oleh Jaafar Haji Hamdan

SAR m0076/09

DEWAN Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dengan kerjasama Bahagian Penerbitan Sastera Kuala Lumpur telah mengadakan Makmal Penulisan Karya Remaja selama dua hari bermula pada 10 hingga 11 Oktober 2001 bertempat di Hotel Harbour View, Kuching, Sarawak. Majlis Perasmian Makmal ini telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Sastera, Tuan Haji Hamdan Yahya.

Makmal ini diadakan bertujuan untuk;

- Membantu pengarang-pengarang menghasilkan pelbagai genre yang lebih tepat dalam konteks takrif karya remaja.

- Mempelbagaikan lagi tema dan persoalan mengikut persekitaran dan keperluan remaja zaman kini dalam penghasilan karya.

- Menggalakkan pengarang-pengarang mengimbangi penghasilan pelbagai genre karya untuk khalayak remaja terutamanya novel, cerpen, puisi dan skrip drama yang khusus dan tepat untuk khalayak remaja.

Empat kertas kerja telah dibentangkan oleh para pembentang yang pakar dalam bidang remaja dan psikologi remaja. Pengkhususan ini dibuat bagi menampakkan nilai karya remaja dalam konteks sastera remaja. Pada sesi pertama, Dr. Robiah Kulop Hamzah, pakar psikologi remaja membentangkan kertas kerja "Gelora Zaman Remaja" yang menyentuh tentang takrif remaja dari konteks biologi dan siosiologi. penekannya dilihat dari segi aspek perkembangan remaja berdasarkan fizikal, mental dan kerohanianya.

Dalam sesi kedua, pada hari yang sama, Encik Mohamad Shahidan membentang kertas kerja bertajuk "Menghasilkan Puisi Untuk Remaja" dengan melihat aspek puisi remaja dalam konteks takrif sastera remaja. Asas bagi menyimpulkan bahawa puisi remaja turut diperbincangkan dengan agak hangat dan juga mewujudkan perbezaan pendapat berdasarkan takrif masing-masing.

Sesi ketiga, diadakan pada hari berikutnya dengan Encik Abdul Ahmad membentangkan kertas kerja bertajuk

"Konsep Dan Falsafah Novel Remaja" yang mengemukakan ciri-ciri menghasilkan novel remaja. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, pembentang juga menekankan bahawa karya yang diolah mampu menjana nilai keperibadian remaja selaras dengan perkembangan dunia.

Sesi selanjutnya diteruskan oleh Puan Faziah Sulaiman yang membentangkan kertas kerja bertajuk "Menulis Skrip Drama Teater Untuk Remaja" dengan memberi kategori drama berdasarkan watak-watak utama dalam pementasan atau pun teks. Pembentang juga mengharapkan penghasilan skrip drama perlu menumpukan tema yang ringan tetapi mengangkat nilai-nilai murni



Peserta-peserta MPKR bergambar bersama-sama fasilitator yang mendedahkan kepada peserta takrif karya remaja.

yang mampu merangsang remaja dalam pembinaan diri.

Sesi perbincangan juga diadakan pada sebelah petangnya dan para peserta diberi peluang untuk mengemukakan kaedah atau pendekatan yang mampu dijadikan asas untuk melahirkan karya remaja dengan takrif yang telah dibincangkan dalam tempoh dua hari tersebut. Melalui sesi perbincangan itu juga para peserta telah diberi tugas agar melahirkan karya remaja mengikut genre yang telah mereka kuasai.

Peserta yang mengikuti program ini dipilih berdasarkan kemantapan berkarya di samping produktif dalam berkarya. JS

Sekitar Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negeri Sarawak

Keterangan Gambar

- A. Ketibaan TYT Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin pada Majlis Pengurniaan.
- B. Jais Sahok, penerima Hadiah Sastera Kebangsaan Sarawak Kategori Cerpen.
- C. Ting Mee Sieng, penerima Hadiah Sastera Sukuan Negeri Sarawak.
- D. Zaini Oje @ Ozea, penerima Hadiah Penggiat Sastera Negeri Sarawak.
- E. Latifah Shebli, penerima Hadiah Sastera Kebangsaan Kategori Puisi.
- F. Cenderamata untuk TYT.
- G. Kegembiraan jelas terlukis di wajah mereka. Dari kiri Awg. Azman Awg. Pawi, Zaini Oje@Ozea, Khatem Ariffin dan Jais Sahok.
- H. Penulis Wanita Sarawak. Dari kiri Latifah Shebli, Ting Mee Sieng, Raodzemah Bolhassan dan Rosani Hiplee.
- I. Borak-borak sebelum Majlis Pengurniaan.



SAR 00078/09

Sayembara dan pemenangnya ialah ...

Oleh Hajjah Mainol

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berperanan sebagai badan pengembang bahasa dan sastera kebangsaan berusaha untuk mempelbagaikan kegiatan yang menjurus ke arah pemantapan penggunaan bahasa kebangsaan dan peningkatan mutu penulisan karya sastera. Untuk merealisasikan matlamat ini pelbagai peraduan diadakan untuk mencungkil bakat penulisan di samping memberi penghargaan kepada penulis yang telah menghasilkan karya-karya bermutu untuk diterbitkan. Pada 21 September 2001, bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di Kuching, telah berlangsung majlis penyampaian hadiah pelbagai peraduan yang telah dianjurkan oleh Unit Sastera Moden, DBP Cawangan Sarawak. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Tuan Haji Abd. Rahman Yusof. Majlis penyampaian hadiah ini merangkumi 4 peraduan iaitu :

i) Peraduan Menulis Novel Remaja sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) Sarawak 1999.

Peraduan ini dilancarkan sempena BBSN 1999 di Sibu pada bulan September 1999, dan berlangsung sehingga 31 Disember 2000. Peraduan yang dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan mutu penulisan kreatif di Sarawak, khususnya novel, sekali gus memberi perangsang kepada penulis supaya lebih gigih berkarya. Dengan adanya peraduan seperti ini dijangka masalah dan

kemelut kekurangan karya dan manuskrip bermutu untuk diterbitkan dapat diatasi.

ii) Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak (HPPS)

Projek Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak yang mula diperkenalkan pada tahun 1991, sebagai penghargaan tahunan kepada para penulis. Lima cerpen dan lima puisi terbaik yang disiarkan dalam media cetak pada tahun penilaian akan diberi hadiah. Pemberian hadiah penghargaan ini bertujuan untuk menggalakkan para penulis kreatif di negeri Sarawak memanfaatkan ilmu penulisan sastera yang telah dibekalkan kepada mereka melalui bengkel penulisan yang dianjurkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Hadiah ini diberi untuk memupuk dan menghargai kegiatan penulisan sastera kreatif supaya kegiatan sastera terus berkembang dan bermutu.

iii) Hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah Sekolah-sekolah Menengah Negeri Sarawak 2000.

Sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha pihak sekolah menerbitkan majalah sekolah yang bermutu, DBP Cawangan Sarawak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menganjurkan projek peraduan penulisan dan penerbitan majalah sekolah menengah seluruh Negeri Sarawak dan menjadi projek tahunan mulai tahun 1997. Projek ini bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan



Tetamu kehormat dan hadirin yang menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah DBP.

di kalangan pelajar di samping menggalakkan dan memupuk minat pelajar dalam bidang penulisan kreatif dan deskriptif.

iv) Peraduan Menulis Sastera Kreatif Pelajar Sekolah Menengah 2001 (Cerpen)

Sambutan terhadap peraduan ini sungguh menggalakkan. Sejak dengan usaha DBP Cawangan Sarawak untuk melahirkan mukamuka baru sebagai pelapis kepada yang lama, maka sesuailah dengan objektif peraduan iaitu untuk mencungkil dan memupuk minat dalam bidang penulisan cerpen, terutamanya di kalangan pelajar dan penulis muda. Di

samping itu juga, dengan adanya peraduan seperti ini lebih menggalakkan minat pelajar terhadap penulisan kreatif khususnya serta mendapatkan bahan atau karya yang bermutu untuk tujuan penerbitan.

Matlamat untuk menghimpun para penulis, peminat sastera, para guru, pelajar dan sidang redaksi majalah sekolah telah berjaya mencapai sasaran dengan berlangsungnya majlis penyampaian hadiah yang cukup sederhana ini. Selain nama-nama besar dalam arena penulisan Sarawak, peraduan ini juga telah menyerlahkan bakat-bakat baru yang bakal mewarnai dunia sastera Sarawak. JS

Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu

Oleh Abdul Rassid Subet



Datuk A. Rahim Abu Bakar menyampaikan cenderamata kepada Prof. Madya Dr. Siddiq Fadzil.

HAMKA adalah seorang tokoh ulama dan intelektual massa yang telah memberi sumbangan besar di dalam membina kesedaran dan pembangunan pemikiran Islam di rantau alam Melayu. Sumbangan beliau bukan sahaja dalam aspek kerohanian malah menjangkau persoalan sejarah, kebahasaan dan kesusastraan rumpun kepulauan Melayu melalui karya-karya penulisan yang dihasilkan. Lantaran itu ramai pengkaji atau peminatnya meneliti dengan lebih terperinci sumbangan beliau dalam mengangkat martabat umat dan tamadun Melayu.

Nama sebenar Hamka ialah Haji Abdul Malik bin Syeikh Abdul Karim bin Syeikh Muhammad Abdullah. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang disegani di alam Melayu dan seorang bijak pandai dalam bidang kesusastraan, pujangga agung dan ahli falsafah Islam. Beliau juga seorang yang gigih menyampaikan ilmu dakwah sehingga sanggup menjelajah ke serata kampung dan bandar malah ada ketikanya ke luar negara untuk menyampaikan dakwah islamiah.


Sebagai menghargai sumbangan beliau, baru-baru ini telah diadakan satu

seminar untuk mendedahkan masyarakat terhadap kekayaan khazanah ilmu dan pemikiran yang telah dihasilkan oleh Hamka. Seminar yang dinamakan Seminar Pemikiran Hamka anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sarawak telah berjaya diadakan pada 1 September 2001 bertempat di Balai Budaya, DBP Ca-

wangan Sarawak, Kuching. Seminar ini telah dirasmikan oleh Haji Abdul Rahim Abu Bakar, yang seterusnya menyampaikan ucapan pengukuhan. Seminar berkenaan telah dibagikan kepada tiga sesi dan tujuh kertas kerja telah dibentangkan. Pembentang kertas kerja terdiri daripada Tuan Haji Raslie Saharan, Encik Saiee Driss, Ustaz Wan Abdul Hamid Wan Teh, Encik Hazami Jahari dan oleh anakanda Hamka sendiri iaitu H. Rusdy Hamka.

Seminar Pemikiran Hamka ke-3 ini telah dihadiri oleh seramai 200 peserta dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Sempena seminar ini juga, sebuah pameran mengenai Buya Hamka telah diadakan di ruang lobi DBP Cawangan Sarawak di samping mengisi Tabung Pendidikan Hamka. Setelah sehari suntuk berseminar, adalah diharapkan objektif seminar ini akan tercapai dalam memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap kekayaan khazanah ilmu dan pemikiran yang telah dihasilkan oleh ulama - intelektual Melayu yang membuktikan keupayaan alam Melayu untuk tampil menyumbang kepada pembangunan ummah manusia. Hamka perlu menjadi tokoh yang versatil oleh generasi baru sebagai teladan dalam usaha melahirkan generasi masa depan yang memiliki ketahanan menghadapi arus transformasi sosial di alam Melayu yang serba transenden ini. JS



Jong Chian Lai, Harry Usop dan Katina Juelni pemenang peraduan menulis novel remaja.

SAR m0080 /09

POHON BUDAYA

Budaya ini sebatang pohon rendang
di tengah tamadun subur
batang dan dahannya
ranting-ranting dan daunnya
bunga dan buahnya
dibekali baja tenaga dan
citra jati diri
oleh akar tunjang
yang menyerap dari benaman jauh
ke perut sejarah bumi
sebat dan sejati
menjadi budaya bangsa

Khazanah seni ini
adalah taman bicara dan rasa
sumbangan indah setiap peribadi
warga watan bermaruah
jadikanlah beraneka dalam paduan
bagai sebuah taman rimba tropika
yang di dalamnya urat-urat dan akar-akar
rumput renek dan banir gagah
masing-masing menyimpan khasiat
dan rahsia kesuburan

Setiap diri ini
adalah pewaris dan pusaka zaman
menerima dan menjaga
amanah - menyubur dan memelihara
khazanah keramat menyimpul kudrat dan
darjah
di tangan yang tergenggam, mendepa atau
bersendeng
mengagahkan hentak kaki
dan gerak badan dengan bunga silat
dan simpul ajat, pecah kuntau atau lenguk
inang
adalah tekad pasti dan berani
dalam terpaksa mengharungi zaman
menjunjung warisan

Setiap langkah kaki dan ayunan tangan
jelingan dan renungan mata
turun naik nafas dan denyut nadi
adalah sumbangsiah ikhlas
membina jati diri
dalam budaya bangsa
 demi dapat mendabik dada
 inilah bangsa merdeka
 inilah bangsa berbudaya
 inilah bangsa bermaruah
 inilah bangsa maju
 yang tetap memelihara
 nilai dan etika
 menghadapi badi cabaran
 dari setiap penjuru
 kekal dengan peribadi diri
 tidak lemas dan leka
 diulit kepalsuan
 atau diruntun keruntuhan

Kitalah peneroka
kitalah pemaju
kitalah benteng nilai budaya
kitalah pembela pusaka

SAR m0081 /09

RIMBA ITU

Rimba itu
adalah peninggalan moyang zaman lalu
sekian zaman kami menetap di sini
generasi demi generasi bermastautin
lalu bermukim di bumi tercinta ini
rimba raya ini adalah khazanah
berharga dimiliki oleh kami
sumber pencarian tak pernah berputusas

Rimba ini
kaya dengan flora fauna
kehijauannya tetap memukau rasa
tapi kini rimba ini akan diolah arena baru
medan ekonomi bukan lagi alam flora
fauna
rimba ini akan dihapuskan
keasliannya akan pudar tercalar
khazanah kebanggaan ini lenyap dan pupus
sebagaimana Atlantis yang lenyap itu

Rimba ini
meskipun arena baru sumbang taraf
ekonomi
keuntungannya bukan dinikmati oleh kami
warga seberang meraih nikmat
hasil dituai tidak sepadan
apa yang dikorbankan keringat hangat
terlalu mahal
bukan sekadar mata wang jadi ukuran
tetapi tetap termusnah segala kehidupan
rimba asli ini punah dari sejarah

Bila milik kita tergadai
rimba ini pun turut tersadai
menghadapi ledakan pembangunan bangsa
semakin hari semakin mencengkam
semua yang telah tumpah di rimba ini
mengubah panoramanya
jadi hutan simpan kawalan tanpa keaslian
sekadar muzium hutan dalam kenangan.

Poul Nanggang
Putera, Miri
20 November 1997

SAR m0082 /09

SANG PENGUASA KOTA

Doamu anak gelandangan,
pedagang kaki lima dan tukang beca
tertelan hiruk-pikuk dan jeritan kota
terkabus kabut asap
doamu tidak terjawab
tersangkut di rahang longkang
dan pencakar langit kota

penguasa kota lebih perkasa daripada
ribuan gelandangan
dengan gas pemedih mata, peluru dan dana
besar
kau diusir
kau diterjang ke pinggiran
menutup kesempatan dan hak kehidupan

“Rakyat ialah api
penguasa ialah air;
jika air tak mendampingi api
api akan mekar membakar,” katamu.

namun suaramu kian sayup
hari ini aku menyaksikan
bagaimana senjata kaum lemah ditewaskan
dengan mudah oleh sang penguasa

kota ini memang bukan untukmu
kota ini adalah untuk sang penguasa
dengan undang-undang
yang kian mencengkam kaum sepertimu.

Jeniri Amir
Jakarta
Oktober 2001

SAR m0083 /09

RUMAH ABADI

Bangunlah dari tiang yang asas
pada setiap lima waktu yang tepu
dengan akal dan iman berpanjangan

Kemudian lindungkanlah siang
dan suram malam yang hening
dengan atap kesabaran
untuk mendidik nafsu yang keliru
kerana dindingnya nanti
perlu berkat dari nilai
zakat dan sedekah suci
agar tingkap dan pintu
sentiasa redha terbuka
hingga mengerti untuk diuji
qada dan qadar yang tidak pernah
melupai janji takdir

Bangunlah dari kudrat yang diniat
menyahut seruan rasa yang rindu
untuk menziarahi rumah-Nya
kerana di sana nanti
akan tersergam indah rumah abadi
hadiah kekasih yang sejati

Jaafar Haji Hamdan
03 Rejab 1421
Kuching, Sarawak

SAR m0084 /09

TERIMA KASIH

Terima kasih
Telah membataskan pengertian
Dari himpunan sujud dan doa
Dari manis santun bahasa
Tanpa perlu menyanyi muhsinat
Memateri janji

Terima kasih
Memintal kasih di samudera dalam
Menganyam rindu di layar harapan
Memunggah setia di muara singgahsana
Tanpa perlu mengukur waktu
Tanpa perlu mengukur usia
Yang mungkin antaranya
Menangguh mimpi pada malammu

Terima kasih
Membaja ujana dari telus mesra
Mengusir akrab tetamu dingin
Merawat sendu yang membanjiri
Dari pohon sabarmu
Dari dahan tabahmu
Yang kerapnya menerjah cekal
Yang kerapnya mengocak tenang
Kerana aku yang terantai resah
Di sebalik kesamatan
Dan ancala impian

Najla/kajang

WU AN

Oleh Saiee Driss

SAR 0085/09

- Penyair Berjiwa Besar

Jauh Ditinjau Dekat Tak Nampak

MASYARAKAT umum dan masyarakat penulis tempatan, termasuk kalangan penyair bukan berbahasa Mandarin tidak berapa mengenali rakan seperjuangan dan senegara, Wu An atau Philip Kho Lip Kee. Malah ada yang tidak menyedari langsung wujudnya seorang penyair bertaraf dunia itu di kalangan mereka. Wu An sendiri menyadari hal itu dan sudah tidak berapa mengendahkan keadaan yang cukup malang itu. Wu An sudah enggan merajuk dengan kesepian masyarakat tempatan bukan sahaja dari kalangan masyarakat bukan Cina, malah juga dari kalangan masyarakat Cina tempatan, terhadap karya-karyanya.

Baginya biarlah dia terus berkarya, dan kalau orang di dalam negara sendiri tidak menghargai dan tidak mahu menelaah karyanya, dia masih ada insan-insan dan pengkaji di negara-negara lain seperti di Singapura, Hong Kong, Taiwan, negara China malah beberapa universiti di Eropah sudi menikmati karyanya. Ini terbukti dengan tulisan-tulisan mengenainya di beberapa majalah antarabangsa, malah pernah diadakan satu seminar khas mengenai puisi-puisinya di sebuah universiti di Beijing.

Gejala tidak dihargai di tanah air sendiri atau di kampung halaman sendiri di dalam dunia penulisan dan kepenyairan di Malaysia memang lumrah. Kita selalunya lebih mengenali penulis Barat seperti dari Amerika, Britain, Australia, Amerika Latin dan sebagainya, terutama sekali dengan kewujudan internet kini. Karya mereka sering jadi rujukan dan sebutan sebagai contoh. Kita amat kurang atau tidak langsung mengenali penulis tempatan apa lagi mereka yang menulis dalam bahasa selain bahasa kebangsaan.

Jong Chian Lai seorang novelis bertaraf kebangsaan yang setakat ini hanya menulis dalam bahasa Melayu, pernah menzahirkan kekecewaannya kerana tidak dikenali dan dihargai oleh masyarakat Cina. Kalau kita

membaca novelnya Pemberontakan yang telah meraih hadiah utama di peringkat kebangsaan dan diperkatakan oleh Profesor Madya Dr. Sahlan Mohd. Saman sebagai yang kedua terpenting di Sarawak setelah novel Melati Sarawak, adalah sebenarnya sebuah novel yang cuba m e l e t a k k a n perspektif yang amat positif tentang masyarakat Cina di dalam perkembangan sejarah Sarawak.

Kalau dirujuk kembali kepada kes Wu An paradoxnya ialah Wu An bukan sembarang penyair tetapi penyair bertaraf dunia yang menulis dalam bahasa Mandarin, sekalipun kebangsaan bercakap dalam dialek Teochew. Pengiktirafan masyarakat berbahasa Mandarin sudah cukup menyeluruh di mana-mana ada mereka yang menikmati kesusastraan dalam bahasa itu.

Apa yang menarik ialah masyarakat penulis bahasa Melayu di Sarawak dan di Malaysia seluruhnya, mula mengenali Wu An adalah menerusi Sasterawan Negara Allahyarham Datuk Dr. Usman Awang. Pertemuan mereka pula diusahakan oleh seorang penulis dan penterjemah yang menjadi sahabat kepada Usman Awang yang ketika pertemuan itu, masih berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur.

Allahyarham Usman Awang juga yang memperkenalkan Wu An kepada rakan-rakan di Kuching dalam satu pertemuan dengan para penulis tempatan diuruskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sasterawan Negara Datuk Dr. Usman dalam, sebuah rencananya di majalah Dewan Sastera pernah memerikan bahawa Wu An memiliki pandangan seluas alam yang terbentang, seluas langit yang mengembang dan seluas lautan yang dalam. Usman Awang juga mendakwa bahawa Wu An tidak membatasi penulisannya pada keturunan bangsa atau warna kulit atau sempadan benua. Dalam pemerhatian Usman Awang, Wu An menyuarakan lagu kehidupan kemanusiaan, sambil menyelami perasaan segenap insan dari segala lapisan dalam usahanya mencari kebenaran dan keadilan, men-



Wu An bersama-sama Saiee Driss

tafsirkan realiti dan lojika rakyat dengan jujur.

Maka sesungguhnya merupakan suatu kerugian dan suatu tragedi budaya apabila di kalangan penulis di Sarawak sendiri tidak kenal atau enggan mengenali Wu An, sekalipun beliau seorang anak Sarawak dan amat menyayangi negeri ini serta sangat mengharungi pelbagai keperitan kerana kecintaannya terhadap Sarawak.

Dirinya Dan Tanahairnya

Philip Khoo Lip Kee atau Wu An telah dilahirkan pada tahun 1937 di Kuching. Datuknya datang ke Sarawak dari negara China pada penghujung abad ke-19 untuk memulakan hidup baru di negeri yang masih dipenuhi hutan rimba ketika itu. Walaupun sudah ada isteri dan anak di Negara China ketika itu, datuknya berkahwin dengan wanita tempatan dari keturunan Melanau.

Setelah bertapak tetap, datuknya membawa keluarganya yang termasuk ayahnya yang ketika itu berusia sepuluh tahun ke Sarawak. Ini secara teknikal menjadikan Wu An generasi pertama dalam keluarganya yang dilahirkan di Sarawak.

Nama samaran Philip Khoo itu adalah adunan daripada Wu iaitu nama keluarga ibunya dan An adalah daripada satu aksa Cina yang membawa makna tebing sungai dan atau kesyahduan. Disebabkan Wu An cukup rapat hubungan dengan keluarga ibu tirinya, maka beliau menjadi lebih rapat dengan keluarga di Sarawak dan menganggap Sarawak tanah airnya yang sejati.

Sikapnya yang sedemikian agak bercanggah dengan golongan dari generasi pendatang Cina terdahulu yang menganggapkan diri

mereka *hua chiau* atau Cina seberang laut, dan menganggap negara China sebagai ibu pertiwi mereka. Bagi Wu An dan kebanyakan rakan segerasinya sekalipun bagi ibu dan ayahnya negara China itulah ibu pertiwi mereka, bagi mereka Sarawaklah tanah air mereka. Ini amat khusus bagi Wu An.

Ini diungkapkannya di dalam sajaknya *Zu Guo* (Ibu Pertwi) ditulis dalam tahun 1957 disiarkan di dalam antologi puisinya *Poems on the Sheild* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris seperti berikut;

*Your motherland was my dream paradise
You reminded me, times and again,
The land where your ancestors were buried I remember forever but mother, Goodbye*

*My motherland is calling to me too,
She is under my feet, not in the other share,*

*Oh, this hot tropical land of palms and bananas,
Oh, this darkened island,
Washed by the mighty waves*

*I am strong and healthy youth,
Ready to sacrifice for my motherland,
The ancestors were buried in their country land*

I want to be buried in my country land.

Pertiwi mu pernah menjadi syurga impian

Dikau ulang-berulang mengingatkan daku

Tanah termakam nenek moyangmu

Daku ingati, namun ibunda,
Selamat Tinggal

Pertiwi juga menyeru daku
Di atasnya aku berpijak, tidak di tapak lain

Oh, bumi tropika panas berpalma dan berpisang ini

Tanah pulau kelam ini
Digempur ombak gagah

Daku gagah dan sihat remaja
Sedia berkorban untuk pertiwi

Moyang poyangmu termakam di bumi mereka

Harapanku bermakam di bumi

pertiwi ini

(Terjemahan bebas Saiee Driss)

Jelas daripada petikan puisi ini, Sarawak mempunyai kedudukan istimewa di dalam jiwa Wu An dan dia sanggup berkorban dan menghadapi apa sahaja demi berpegang kepada pendiriannya itu.

Demi mengekalkan kemerdekaan Sarawak, dan kerana tidak mahu Sarawak menjadi tanah jajahan mana-mana kuasa, beliau menentang penubuhan Malaysia kerana memikirkan dengan menyertai Malaysia, Sarawak akan menjadi tanah jajahan Malaya. Dan kerana mempertahankan pendiriannya beliau sanggup meringkuk dalam penjara ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama sepuluh tahun mulai tahun 1965, tatkala berlaku konfrantasi dan gerakan komunis bawah tanah. Ini pasti penderitaan yang cukup berat baginya yang belum lama berkahwin ketika itu.

Bidang Penulisan

Wu An tidak menolak kemungkinan beliau menjadi penulis atau penyair adalah kerana dirinya memang sejak kecil tidak berapa sihat. Ini menyebabkan beliau tidak boleh menyertai sukan lasak dan kerja-kerja aktif. Dengan itu zaman remajanya banyak dihabiskan dengan membaca buku pelbagai jenis.

Wu An mula menulis dalam tahun 1953 ketika berusia 15 tahun dan masih di dalam Sekolah Menengah Rendah bahasa Cina, iaitu setelah tujuh tahun keluarga Brookes menyerahkan Sarawak kepada Mahkota British. Puisinya yang pertama yang pernah disiar oleh media cetak berjudul *Bau*, nama sebuah bandar bersejarah kerana pernah memiliki lombong emas. Bau baginya menjadi penuh bererti kerana buruh-buruh keturunan Cina di lombong emas itu pernah bangkit memberontak menentang Brookes dalam tahun 1857 dan menguasai negeri Sarawak untuk beberapa hari. (Peristiwa yang sama dijadikan asas novel *Pemberontakan* oleh Jong Chian Lai).

Dalam hayat penulisannya beliau pernah menghasilkan skrip drama dan novel selain daripada puisi. Bagaimanapun dalam bidang puisi beliau terserlah dan seluruh

bersambung di halaman 18...

SAR m 0086/09

KISAH KELUARGA TAMA AGAR

(Sebuah sekunoh* Kelabit) diolah semula oleh Jiso Rutan

TAMA Agar dan isterinya Sina Agar ada dua orang anak, kedua-duanya lelaki. Anak yang sulung bernama Raja Rayeh sementara adiknya bernama Raja I'it. Mereka miskin. Tama Agar dan isterinya juga menghidap penyakit pekung. Penyakit itu bukan saja menyukarkan mereka untuk keluar bekerja seperti orang lain tetapi juga membuat mereka kelihatan hodoh.

Pada suatu hari Tama Agar sudah berasa tidak tahan lagi dengan keadaannya yang sedemikian. Dia pun menaiki perahu dan berkayuh menyusuri sebatang sungai untuk mengadu nasibnya. Setelah berkayuh beberapa lama dia pun sampai ke bahagian sungai yang terhadang oleh sebongkah batu besar. Beberapa kali dia cuba berkayuh mengelilingi batu itu tetapi masih gagal untuk mara ke hadapan. Dia sudah hampir-hampir putus asa.

Tidak lama kemudian dia terkejut apabila mendengar ada suatu suara sedang menegurnya. "Oh Tama Agar, kamu hendak ke mana?" Tanya suara itu. Dia lalu menoleh ke sana sini untuk mencari siapa yang empunya suara tersebut tetapi tidak nampak ada sesiapa pun dekat situ. Lama-kelamaan pandangannya pun tertumpu pada seekor burung merah yang sedang bertenggek di atas batu. Rupa-rupanya burung itulah yang menegur Tama Agar tadi.

"Kamu nak ke mana Tama Agar?" Tanya burung itu lagi.

"Saya hendak pergi mencari rawatan untuk penyakit saya ini," jawab Tama Agar antara percaya dengan tidak dengan apa yang dengarnya itu.

"Kalau kamu benar-benar mahu sembuh, tinggalkanlah saja perahu kamu dan datang ke sini. Kamu duduklah di bawah tempat saya hinggap ini," kata burung itu lagi.

Antara perasaan was-was dan sedikit takut, Tama Agar pun berbuatlah seperti yang disuruh. Sebaik saja dia duduk di bawah tempat burung tersebut bertenggek, burung itu pun terus berak di atas kepalanya. Pada ketika itu juga kilat dan petir berdentuman dan sambar-menyalir. Apabila kilat dan petir itu berhenti Tama Agar mendapat dirinya sudah pulih sepenuhnya. Dia juga sudah bertukar menjadi kacak dan lawa.

"Sekarang kamu duduk di bahagian buritan perahu kamu itu," kata burung tadi pula.

Kali ini, tanpa banyak soal Tama Agar pun berbuat seperti yang disuruh. Burung itu lalu berak ke dalam perut perahu sehingga penuh dengan tahi. Tahi itu kemudian beransur-ansur bertukar menjadi pelbagai jenis barang - beras, padi, kain, pakaian, gong, pisau dan lain-lain di hadapan mata Tama Agar yang bagai terpukau menyaksikan keajaiban tersebut.

"Sekarang elok kamu pulang," kata burung itu.

Tama Agar yang berasa sangat

gembira pun mengajak burung tadi supaya pulang bersamanya. Dia berharap burung tersebut dapat menyembuhkan penyakit isterinya juga. Lepas itu Tama Agar pun berkayuh pulang membawa bersamanya burung tadi dan harta benda yang penuh dalam perahunya. Anak isterinya berasa sangat gembira melihat perubahan yang berlaku pada diri Tama Agar serta segala harta benda yang diperolehnya itu. Tama Agar pun meminta burung tadi untuk menyembuhkan penyakit Sina Agar juga.

Sejak hari itu kehidupan Tama Agar sekeluarga pun bertambah senang. Lama-kelamaan berita tentang nasib Tama Agar sekeluarga telah sampai ke pengetahuan seorang lelaki yang bernama Tama Rumoh Benah dari sebuah kampung lagi. Tama Rumoh Benah yang berniat jahat pun datanglah ke rumah Tama Agar. Kebetulan ketika itu, Tama Agar telah keluar berburu di dalam hutan dan belum balik lagi. Tama Rumoh Benah terus memaksa Sina Agar untuk menceritakan bagaimana mereka sekeluarga boleh tiba-tiba saja jadi senang begitu. Kerana berasa takut dengan ugutan dan ancaman Tama Rumoh Benah terpaksalah Sina Agar mendedahkan hal yang sebenar dengan menceritakan pasal burung merah yang tinggal bersama mereka.

Apabila mendengar demikian Tama Rumoh Benah lalu menangkap dan membunuh burung tersebut. Burung itu kemudian dipanggangnya di atas api. Sementara itu Tama Rumoh Benah juga telah memaksa Sina Agar untuk tidur bersamanya di dalam bilik. Semasa Tama Rumoh Benah dan Sina Agar sedang tidur di dalam bilik, Raja Rayeh dan Raja I'it yang baharu pulang dari bermain di rumah kawan, terjumpa dengan panggang burung di atas api. Tanpa berfikir panjang, mereka dua beradik pun terus memakan panggang burung itu sampai habis. Lepas itu mereka keluar lagi.

Apabila Tama Rumoh Benah bangun dia mendapat panggang burung tersebut sudah habis dimakan orang. Dia pun tidak mengesyaki sesiapa melainkan kedua-dua orang anak Sina Agar itu. Kerana berasa sangat marah dia lalu mengancam untuk membunuh budak-budak itu kalau dijumpai nanti. Selepas itu dia pun balik ke kampungnya sendiri.

Sina Agar yang bimbang akan keselamatan anak-anaknya kemudian telah menasihatkan mereka untuk mlarikan diri ke tempat yang lebih selamat. Sementara itu Tama Agar yang sudah habis berburu pun pulang. Apabila dia sampai di rumah Sina Agar lalu menceritakan semua yang telah berlaku semasa ketiadaannya. Susah hatilah Tama Agar apabila mendengar hal itu, apalagi kedua-dua anaknya sudah mlarikan diri entah ke mana.

Dengan perasaan sedih dia pun meminta bantuan jiran dan orang kampung untuk mencari budak-budak

itu. Lama juga mereka mencari Raja Rayeh dan Raja I'it tetapi masih belum jumpa. Tama Agar dan Sina Agar semakin hari semakin kecewa dan putus asa.

Kira-kira sebulan kemudian seorang lelaki bernama Pangeran yang tinggal jauh dari rumah Tama Agar telah menemui Raja Rayeh yang tertidur di sebalik banir kayu. Bagaimanapun dia tidak menemui Raja I'it yang waktu itu tertidur di sebalik banir kayu yang satu lagi. Dengan demikian Pangeran hanya membawa balik Raja Rayeh saja. Dia tidak pula membawa budak itu pulang ke rumah Tama Agar. Pangeran telah mengambil keputusan untuk membawa budak itu pulang ke rumahnya (Pangeran) sendiri. Entah kenapa, sekali pandang saja, dia sudah suka dengan budak itu dan ingin membawanya sendiri. Mulai hari itu tinggallah Raja Rayeh di rumah Pangeran. Apabila Raja Rayeh sudah dewasa dia lalu dijodohkan dengan anak Pangeran sendiri yang bernama Dayang Pangeran. Kemudian Raja Rayeh diberi nama baru-Lian Teloh Malan.

Sementara itu, Raja I'it yang ditinggalkan sendirian di dalam hutan (setelah abangnya dibawa pulang oleh Pangeran) telah merayau-rayau seorang diri untuk beberapa lama. Akhirnya, dalam keadaan yan letih lesu dan tidak bermaya, dia pun sampai ke sebuah pondok yang didiami oleh seorang wanita tua bernama Panukun. Apabila mendengar cerita budak itu Panukun pun mengenalkan diri sebagai nenek Raja I'it. "Saya ini sebenarnya nenek kamu. Bapa kamu, Tama Agar itu, anak saya. Saya tinggalkan dia di dalam hutan dulu. Saya ingat dia sudah mati. Tapi kamu jangan susah. Kamu tinggal saja bersama saya di sini," kata Panukun. Mulai hari itu Raja I'it pun tinggal bersama Panukun sehingga dia sudah meningkat remaja.

Pada suatu hari, pada musim menuai padi, Dayang Pangeran dan adiknya Dayang Mentarih telah melimpasi rumah Panukun dalam perjalanan mereka ke sawah. Apabila melihat Dayang Mentarih lalu di situ Panukun pun menjemput gadis itu untuk menolongnya memasak. Kata Panukun dia sudah uzur dan tidak dapat memasak sendiri. Dayang Mentarih yang bersimpati dengan orang tua tersebut terpaksa menerima jemputan itu. Bagaimanapun dia tidak tahu bahawa masakannya itu adalah untuk Raja I'it juga.

Tidak lama selepas itu Panukun mengajak pula Dayang Mentarih untuk bermalam di rumahnya. Malam itu Panukun telah menyuruh Raja I'it yang sudah ditukar nama menjadi Burah Apui untuk tidur bersama Dayang Mentarih. Besok pagi apabila Dayang Mentarih terjaga, dia ternampak bekas tapak kaki orang dalam bilik tempat dia tidur dan tanda-tanda lain bahawa ada orang yang telah tidur bersamanya. Dia pun hairan

kerana tidak tahu siapa.

Malam berikutnya Dayang Mentarih tidur di rumahnya sendiri tetapi Panukun sudah memberitahu Burah Apui bagaimana untuk mendatangi gadis itu lagi. Jadi malam itu sekali lagi Baruh Apui datang ke bilik Dayang Mentarih tanpa kesedarannya. Apabila dia bangun besok pagi begitu juga dia terjumpa tanda-tanda bahawa ada orang yang telah tidur bersamanya.

Malam kemudiannya Dayang Mentarih pun cuba memerangkap orang itu. Kira-kira pada waktu tengah malam dia telah berpura-pura tidur nyenyak sambil berdengkur sedikit. Burah Apui yang tidak mengesyaki helah Dayang Mentarih cuba mengulangi perbuatannya semalam. Apabila dia menghampiri Dayang Mentarih gadis itu pun bingkas bangun dan cepat-cepat menangkap tangannya.

"Oh, rupa-rupanya kamu yang punya angkara!" kata Dayang Mentarih.

Burah Apui hanya memandangnya tersipu-sipu dan malu-malu kerana rahsianya sudah terbongkar. Untuk seketika, dia tidak dapat hendak berkata apa-apa. Lidahnya bagi sudah kelu. Dayang Mentarih tidak jadi marah kerana sudah mula terpikat dengan anak muda yang memang tampan itu. Mereka sememangnya saling suka sama suka.

Mulai hari itu perhubungan antara mereka berdua pun menjadi semakin intim dan mesra. Apabila Pangeran mengetahui perkara tersebut dia pun bersemuka dengan Burah Apui. Dia tidak mahu anaknya berkahwin dengan lelaki yang tidak berkedudukan atau tidak mempunyai harta benda.

"Saya hanya akan memberangkan kamu berdua kahwin kalau kamu, Burah Apui, dapat membuktikan kamu mampu menyara anak cucu saya nanti dengan baik dan sempurna," kata Pangeran. Pada pandangan luarannya Burah Apui itu bukan calon menantu yang berkelayakan.

Mendengar demikian, susah hatilah Burah Apui. Dia memang sedar dia tidak mempunyai apa-apa kekayaan malah sekarang pun tinggal menumpang dengan seorang wanita tua yang mengaku dirinya nenek. Bagaimanapun hatinya sudah terpaut pada Dayang Mentarih. Dia juga tahu gadis itu suka akan dirinya. "Malang sungguh nasibku ini," fikirnya dalam kesedihan.

Entah bagaimana, dia teringat balik panggang burung yang dimakannya tempoh hari. "Mungkin burung ajaib itu masih dapat membantu," fikirnya sekadar mengharap. Dia lalu menampar-nampar telinganya. Serentak dengan itu, satu keajaiban pun berlaku! Duit dan harta benda pelbagai jenis pun keluar muncurah-curah dari lubang telinganya sehingga bertimbun-timbun di hadapan mereka. Tuhulah dia kini bahawa burung yang dimakannya itu memang ajaib.

Melihat harta kekayaan serta tuah Burah Apui yang tiba-tiba melimpah-luah itu Pangeran tidak teragak-agak lagi mengahwinkannya dengan Dayang Mentarih. Selepas berkahwin Burah Apui lalu tinggallah bersama keluarga Pangeran. Walau bagaimanapun pada mulanya dia tidak menyedari bahawa Lian Teloh Malan, sebenarnya ialah Raja Rayeh, abangnya sendiri. Begitu juga dengan Raja Rayeh, dia tidak sedar bahawa Baruh Apui itu ialah Rajah I'it.

Beberapa lama kemudian Pangeran dan ahli keluarganya menerima jemputan untuk menghadiri kenduri di rumah Tama Agar untuk memperingati kehilangan kedua-dua orang anaknya tadi. Semua orang kampung juga dijemput termasuk Tama Rumoh Benah. Pada mulanya Tama Rumoh Benah menolak kerana segan kerana perbuatannya tempoh hari tetapi setelah didesak berkali-kali, akhirnya dia datang juga. Tama Rumoh Benah pun diempatkan di dalam kandang kerbau yang berpagar manakala semua tetamu lain diempatkan di luar pagar. Makanan dibawa kepada Tama Rumoh Benah di dalam pagar.

Selepas semua tetamu sudah makan, Tama Agar pun menjemput Lian Teloh Malan dan Burah Apui untuk menyembelih kerbau-kerbau yang ada. Mereka melakukan demikian sehinggalah mereka sampai pada Tama Rumoh Benah yang berada dalam kandang yang sama. "Sekarang kami akan bunuh kamu pula. Dulu kamu hendak bunuh kami semasa kami kecil," kata Lian Teloh Malan.

Apabila orang ramai mendengar kata-kata Lian Teloh Malan itu tahulah mereka bahawa dia dan Burah Apui itu sebenarnya adalah Raja Rayeh dan Raja I'it yang dicari-cari selama ini. Dengan demikian, Tama Agar dan Sina Agar akhirnya dapatlah bersama-sama dengan anak kesayangan mereka yang sekarang sudah pun dewasa dan berkahwin.

Majlis kenduri itu kini bertukar menjadi majlis kesyukuran dan dilanjutkan beberapa hari. Selepas majlis selesai, Tama Agar dan Sina Agar pun mengikut anak-anaknya pulang ke rumah Pangeran. Mereka kemudian terus menetap di sana. JS

* Sekunoh cerita rakyat

1 Tama : Ayah/Bapak

2 Sina : Ibu/Emak

3 Raja : nama khas yang popular untuk anak lelaki

4 Rayeh : besar (Raja Rayeh: Raja Besar)

5 I'it : kecil (Raja I'it: Raja Kecil)

...sambungan dari halaman 16

tenaga kreatifnya dalam bidang penulis adalah itu untuk menulis. Dalam kemudiannya kepada puisi. Dalam bidang itulah Wu An mencipta nama sampai menjadi salah seorang penyair bahasa Mandarin bertaraf antarabangsa.

Antologi pertamanya mengandungi 30 buah puisi awalnya diterbitkan di Hong Kong dengan judul *Poems on the Shield* dalam tahun 1962. Shield atau perisai menurut Wu An melambangkan Sarawak kerana sekalis imbas peta negeri Sarawak seakan-akan sebuah perisai.

Judul antologi itu merujuk kepada imejan di dalam sebuah puisinya yang menyifatkan bentuk Sarawak sebagai sebuah perisai.

Sarawak adalah sebuah perisai yang permai

Condong tergantung pada garisan khatulistiwa
Antologi pertama itu meletakkan Wu An ke gelanggang kesusasteraan Cina Asia Tenggara dan mendapat perhatian para pengkritik luar. Wu An mencintai seluruh negeri Sarawak dan sempat melawat banyak tempat di seluruh negeri. Salah satu kawasan yang cukup disenanginya ialah Sungai Rejang. Puisi-puisi yang banyak mengenai Sungai Rejang memperolehkan baginya jolokan penyair suara Rajang. Bagi Wu An Sungai Rajang, iaitu sungai terpanjang di Malaysia melambangkan semangat negeri Sarawak sendiri kerana ia

bermula nun di entigis dan mata air di pergunungan dan mengalir terus ke muara dengan pasti tanpa henti. Suara rasa Wu An melalui puisi dibungkamkan untuk sepuluh tahun apabila ditahan dalam tahun 1965, dan hanya pada tahun 1975 dibebaskan, setelah pihak berkuasa merasa yakin beliau dan beratus-ratus orang puak anti kolonis sudah bersedia menerima kewujudan Malaysia.

Hanya dalam tahun 1982 iaitu tujuh tahun setelah dibebaskan dari tahanan dan selang 20 tahun daripada antologi pertamanya barulah lahir antologi puisinya yang kedua dengan judul *Tapang Shu Li Chan*. Kandungan antologi itu kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris di bawah judul *Tribute to the Tapang Tree*. Bagaikan melambangkan perniman sebenarnya Wu An terhadap kewujudan Malaysia, antologi keduanya diterbitkan di Kuala Lumpur.

Pokok tapang, yang menjadi tumpuan judul antologi itu adalah sejenis pokok liar di Sarawak, yang berdaun lebar dan selalunya pokok yang tertinggi di dalam sesuatu rimba belukar. Bagi Wu An tapang melambangkan para pemimpin masyarakat Iban yang berani, gagah dan menonjol kewibawaan sebagaimana pokok tapang. Memang itulah motif dimaksudkan oleh Wu An.

Sesungguhnya bagi ma-

syarakat Iban pokok tapang amat besar peranannya di dalam budaya Iban. Madu yang menjadi makanan serta bahan ubatan dan penawar yang penting bagi masyarakat selalunya diperolehi daripada lebah yang lazimnya bersarang di pokok tapang. Selain itu kayu dari pokok tapang berguna untuk membuat hulu parang dan juga perabot yang mahal harganya.

Maka sajak-sajak di dalam antologi keduanya merupakan oda atau puisi sanjungan kepada para pemimpin tempatan yang memiliki ciri-ciri ketapangan dari segi jasa dan khidmat kepada masyarakat.

Dalam tahun 1985 antologi ketiganya, *Wau He Jhang Swee Chou* (Aku Belum Terlena) yang dikatakan mengandungi puisi-puisi yang sudah membawa nada perniman terhadap realiti politik sekitar. Wu An mengaku bukan mudah untuk menerima realiti politik yang tidak seperti dikehendaki oleh dirinya sendiri, apa lagi beliau terpaksa 'belajar' selama satu dekad di dalam tahanan untuk menerima realiti baru itu dan merelainya.

Dalam rencananya *The Dialectics of Sarawak Chinese Politics: Anti Colonial Narratives?* seorang pengkaji kesusasteraan mahua Sarawak, Voon Jan Cham yang menggunakan wacana pasakolonialisme dalam kajianya, melihat puisi-puisi Wu An sebagai suara anti penjajah yang penting di

dalam histografi penjajahan di Sarawak.

Dengan mengkaji dua buah puisi Wu An iaitu *Xie Ye* (Darah) dan *Zu Guo* (Ibu Pertiwi) Voon Jan Cham mengatakan bahawa kecintaan Wu An terhadap Sarawak tidak pernah dipersoalkan. Dalam *Xie Ye*, Wu An menggambarkan Sarawak pada dekad-dekad 50-an dan 60-an sebagai seorang pesakit yang perlukan banyak darah sedangkan darah terpaksa mengalir keluar tubuh pesakit itu, kerana tikaman unsur jahat. Pesakit itu menurut Voon Jan Cham adalah negeri Sarawak yang sakit politiknya dan darah itu adalah anak-anak muda seperti dirinya yang banyak dipaksa keluar oleh penjajah kerana perbezaan ideologi.

Disebabkan latar belakang politik dan ideologinya yang anti penjajah dan keinginannya supaya Sarawak merdeka sendirian untuk menentukan corak budaya dan politik serta ekonomi sendiri, maka Wu An tidak pernah bekerja dengan institusi kerajaan. Beliau sekian lama bekerja sebagai seorang setiausaha sulit kepada seorang hartawan tempatan, (Mendiang) Tan Sri Wee Boon Ping, rakan sesekolahnya. Tugasnya menulis teks ucapan tokoh itu, serta mewakili tokoh itu menghadiri acara-acara budaya seperti pameran seni, perhimpunan kuil, pameran kaligrafi dan acara-acara kesenian lain.

Merungun Ke Hadapan

Dalam perkembangan kesusasteraan tanah air dan dalam proses memahami hati budi dan cita rasa rakyat pelbagai kaum, amat wajar kita bukan sahaja mengkaji karya orang luar dan hanya mendengar komentar orang luar mengenai kita, sebaliknya meneliti perutusan dan bahan bicara sesama warga, sesama penulis dan sesama penyair anak negeri, yang mungkin berlainan keturunan dan agama serta latar belakang.

Adalah satu kegagalan dalam usaha mencari jati diri dan makna kecintaan terhadap tanah air apabila kita hanya mampu memahami karya-karya daripada rakan-rakan seangkatan, sekuturunan dan sekaum, atau dalam aliran perdana kebangsaan. Itu menyempitkan skop pemahaman dan tidak mampu memberi gambaran jelas dan padu erti kenegaraan dan kebangsaan itu sendiri.

Allahyarham Sasterawan Negara Datuk Dr. Usman Awang pernah mengatakan Wu An menulis dalam bahasa Mandarin (Tionghua) iaitu bahasa ibundanya kerana bahasa itulah yang mampu mengungkapkan pengucapan nuraninya. Bagaimanapun tema-nya adalah universal dan mengait semua bangsa dan keturunan. JS

Salam Sastera Untuk Penulis Serantau

Oleh Buang Haji Umar

Pengenalan

Pertemuan Penulis Asia Tenggara Kuala Lumpur 2001 yang dilangsungkan pada 25 - 29 Oktober, 2001 di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur merupakan kerjasama serantau di Asia Tenggara dalam dunia kesusasteraan. Pertemuan ini dihadiri oleh wakil beberapa buah negara seperti Indonesia, Brunei Darussalam, Filipina, Vietnam, Thailand, Laos dan tuan rumah, Malaysia.

Objektif utama pertemuan itu ialah untuk mengumpul para penulis Asia Tenggara dalam suatu suasana dan ruang; bagi menzahirkan kesusasteraan yang bertemakan Persefahaman Serantau Melalui Kesusasteraan. Sesuai dengan sifatnya "pertemuan penulis", interaksi sesama penulis dari pelbagai negara, budaya, dan doktrin yang berbeza bermula. Idea-idea yang dilontar melalui isu-isu yang global sifatnya dan dibincang melahirkan resolusi yang dipegang bersama

oleh negara serumpun, dengan melihat identiti diri itu penting sebagai akar perjuangan dalam kesusasteraan. Sudah tiba masanya penulis serantau tidak lagi terlalu mengangung-agungkan penulis barat, falsafah barat, doktrin barat; yang hematnya tidak dapat diaplikasikan keadaan nature masyarakat timur. Mengikut faktor geografi juga kawasan kepulauan Melayu itu merangkumi Kepulauan Maldive di Afrika Selatan, Myanmar, Thailand, Kemboja, Vietnam, Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei dan beberapa tempat lagi jauh di Tenggara.

Pembentukan Atur Cara Sebagai Wadah Kesenian Serantau

Pertemuan itu bermula pada waktu pendaftaran peserta pada 25 Oktober 2001. Peserta dari Malaysia yang hadir antara lain ialah; Datuk A. Samad Said, Datuk Abdullah Hussain, Prof. Muhamad Haji Salleh, Azizi Haji Abdullah,

Dato' Bahar Zain, Khadijah Hashim, S. Othman Kelantan, Zaharah Nawawi, Mana Sikana dan Zurinah Hassan.

Dari Thailand; Worawudh Phak-diburut, Dr. Trisilpa dan Prabda Yoon. Dari Indonesia; Bapak Jamal Rahman, Bapak Acep Zamzam Noor, Bapak Agus Noor, dan Yani Maimunah. Dari Vietnam; Dr. Ho Anh Thai, Dang Thai Ha, Ta Nghi Le. Dari Filipina; Roberto T. Anonuevo, Virgilio S. Almario, Lacusta, Iris Shelia dan Charlson Ong.

Dari Brunei; Dr. Ampuan Brahim, Jefri Arif, Purdarno Bincin. Dari Singapura; Dr. Seet Khiam Keong. Dari Laos; Dara Khaniaya, Neng Xayvong, Som Phrayamoukhoun, Othhong Kham Inxaou dan Somsaeng Kesavira. Pada malamnya diadakan suai kenal.

Tuan Haji Hamdan Yahya, Pengarah Jabatan Sastera merangkap Pengurus Jawatankuasa Penyelenggara Pertemuan, dalam

ucapan alu-aluannya sewaktu majlis perasmian pada 26 Oktober 2001 mahukan anggota serumpun berinteraksi dan mengenal budaya masing-masing.

Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato' Haji A. Aziz Deraman, dalam ucapannya, juga menekankan betapa pentingnya kesefahaman serantau sebagai tali yang membuhul kerjasama negara anggota.

Masalah-masalah penulis seperti masa, bebanan kerja dan sebagainya juga merupakan faktor di mana kegiatan itu menjadi terbatas. Masalah penerbitan dan kerjasama dengan ahli-ahli korporat dan NGO juga berperanan memperkenalkan negara masing-masing di peringkat antarabangsa. Beliau mengharapkan penyertaan dan penglibatan para peserta sepanjang pertemuan itu akan memberi peluang kepada mereka mengenal negara Malaysia dengan lebih dekat

sama ada daripada aspek sejarah, budaya, ekonomi, politik dan sosialnya. Pendedahan seumpama itu juga diharapkan akan lebih mengakrabkan para penulis rantau ini dengan karya-karya sastera serantau. Beliau juga mengharapkan karya-karya rantau ini tersebar luas dan dijadikan bahan kajian para sarjana sastera di pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh dunia.

Dalam perasmian itu juga, Prof. Madya Dr. Siti Zainon Ismail (Malaysia) dalam ucap utamanya melaflazkan secara puitis dalam teksnya berbentuk puisi. Sesuai dengan orangnya, beliau berucap dengan nada puitis, berrima dan beralun. Tetapi, kerana ucapan itu terlalu panjang dengan wawasan puisinya, adakalanya ia menjadi sebuah puisi yang sangat panjang dan indah; jemu atau gerun?

Sesi forum pertama dilangsungkan bertajuk "Persefahaman Serantau Melalui Kesusasteraan". Tiga panel yang membentang kertas kerja terdiri daripada En. Virgilio S. Almario dari Filipina, Bapak Jamal Rahman dari Indonesia dan dari

Thailand, Dr. Trisilpa Bookachorn. Secara keseluruhannya forum berkenaan tidak menggambarkan bagaimana bentuk kesefahaman itu dilakukan, kecuali Dr. Trisilpa Bookachorn yang mahukan wujudnya badan “translating” karya-karya negara-negara Asia Tenggara. Katanya, kalau negara Thailand memulakan S.E.A Award yang dimenangi oleh setiap seorang penulis sesebuah negara itu, makanya, tidak ada sebab kalau idea-idea ini tidak dapat diteruskan. Pemenang-pemenang inilah merupakan idola-idola penulis-penulis lain.

Bapak Jamal Rahman beranggapan bahawa sastera negara Indonesia mengalami alam kelam. Katanya, kerana negara Indonesia melalui zaman kejatuhan wang dan penentangan terhadap Presiden, lalu sasteranya terikut kelam dan murung, akan tetapi ianya segera ditangani oleh penulis lainnya, seperti Bapak Agus Noor, Bapak Acep Zamzam Noor, Taufiq Ismail, Abdul Hadi W.M dan beberapa lagi. Maka itu sasteranya berjalan juga tetapi agak perlahan. Mereka itu termasuk dalam sastera melayu moden Indonesia. (Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: UPM; 95-124).

Sastera Asia Tenggara Kesefahaman Berkumpulan

Dalam pertemuan itu para peserta dibahagikan mengikut Embassy atau bilik dan memberi peluang kepada peserta bercerita dan penekanan yang digambarkan ialah warna setempat; sastera di negara masing-masing. Penindasan terhadap penjajah luar juga dimasukkan dalam karya tersebut. Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara di Asia Tenggara sudah mengalami kesan penjajah, walaupun negara Thailand itu tidak ada mengikut sesetengah pendapat, tetapi bentuk penjajah itu barangkali berbeza. Negara Filipina misalnya, sudah dijajah Sepanyol begitu lama. Indonesia juga begitu; penentangan penduduk Indonesia terhadap Belanda sudah makan ratusan tahun. Malaysia sendiri pun, hampir sama dengan Indonesia. Di Vietnam misalnya, Dr. Ho Nan Thai, dalam novelnya, juga menceritakan tentang penentangan terhadap kesan perang Vietnam (antara Amerika Syarikat dan Vietnamese). Pendeknya itu, semua negara di rantau Asia Tenggara mempersoalkan persoalan ini di meja bicara. Kita cuba lihat genre novel dan cerpen oleh peserta dari Filipina: Charlson Ong, katanya:

"Still, there are Filipino novelists in English who have made

this mark not only at home but abroad. Nick Joaquin (1917), who is often touted as the Filipino author most deserving of a Nobel Prize, published "Women with two Navels" in 1961. The book dwells on Joaquin's favorite theme: the tension between the modern Filipina's Hispanic-oriented past and his American influenced present. On another level, it is also about the intersection of time and eternity". (Country Reports - Philippines).

Justeru itu, sebagai contoh, mengikut Country Reports, bahawa penulis Filipina juga mempersoalkan masalah dalam negara; kesan daripada pengaruh America dan Sepanyol.

Dalam sesi itu juga, keluhan demi keluhan dari para peserta dapat didengar. Peserta dari negara Thailand misalnya; Prabda Yoon, dalam eseinya:

"Thailand is not a country of readers. One reason is that per-

marginalized are usually poor people or who are suffering from political and social loss". (Country Report - Indonesia)

Perhatikan pendapat penulis Singapura terhadap dunia sastera negaranya, katanya:

"It would not be wrong to say that in Singapore, literature grew out of the literati, for modern Singapore literature in English first emerged from the halls of academe. Of the three major genres, proses, poetry and drama, the earliest to gain pre-eminence in Singapore was poetry. This was perhaps an account of its intimate connection with the self or its brevity of form as a crystallization of some observation, vignette or insight, which then makes writing a collection of verses less intimidating than producing a novel or play which would involve devising a distinct social setting and creating a cast of characters with recognizably in-

dalam puisi itu berperanan memberi makna. Sebagai contoh:

Penakik pisau seraut

Ambil galah batang lintahuang
Seladang jadikan gunung
Yang setitik jadikan laut
Yang sekepal jadikan gunung
Alam terbentang jadikan guru

Begitulah simbol berperanan memberi makna sesuatu karya lama seperti talibun dan pantun.

Peserta juga diajak melihat pementasan bangsawan Taming Sari arahan Rahman B. di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Kebanyakannya pelakonnya dari Akademi Seni Kebangsaan. Turut memenuhi acara pertemuan berkenaan ialah lawatan yang memperkenalkan para peserta kepada bandar raya bersejarah, Melaka, budaya dan sebagainya. Acara kemuncak pada



Para peserta dibahagikan mengikut bilik dan diberi peluang bercerita tentang warna sastera di negara masing-masing.

centage of the uneducated population still exceeds that of the educated. There are approximately 60 million people living in the country, but best selling daily newspaper has a circulation of only a million copies a day. But another reason has to do with the lack of support from the authorities. In Thailand, art is last". (Country Reports - Thailand).

Di Indonesia pula mengikut Country Report oleh Bapak Agus Noor, katanya melalui eseи yang tercatat;

"In elevating the social and cultural change themes, Indonesia short stories see it from the dark side only. That has made a theme of alienation dominated Indonesian short stories: the alienation of people in facing charges that they do not thoroughly understand and also the alienation of those who are marginalized. That's why a portrait of alienated and marginalized are dominant in Indonesian short stories. Those who are alienated and

dividualized voices and then charting their progress over a duration of time". (Country Report - Singapore).

Begitulah beberapa petikan laporan tempatan yang menggambarkan keadaan sebenar sastera di negara serantau di Asia Tenggara. Fenomena seperti itu tidak berbeza dengan negara kita Malaysia.

Pada malamnya, para peserta diajak makan malam di Kelab Darul Ehsan. Di samping menjamu selera, para peserta tampil menghiburkan dengan membaca puisi masing-masing dalam bahasa masing-masing. Sewaktu program lawatan ke IPT sekitar Kuala Lumpur; para peserta diberi penerangan oleh pihak IPT yang dipilih mengenai IPT tersebut. UPM misalnya, beberapa taklimat diberi oleh Pensyarah di bahagian Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Dalam konteks Kesasteraan Melayu Sepintas Lalu oleh Dharmawijaya kita diberi penerangan bagaimana simbol

malam terakhir sesi pertemuan itu ialah meraikan pemenang S.E.A Write Award 2001 dari Malaysia, Zakaria Ariffin.

Kesimpulan

Namun yang penting dalam pertemuan besar itu ialah resolusi yang ditangani bersama oleh negara-negara anggota Asia Tenggara. Dalam Pertemuan Penulis Asia Tenggara Kuala Lumpur 2001 kali ini telah mendapat kata sepakat melalui sepuluh resolusi yang tercatat di bawah:

- a. Mewujudkan sebuah urus setia di bawah naungan DBP yang merancang dan menyelaras projek kerjasama dalam tempoh 5 tahun.
- b. Mewujudkan laman web serantau untuk kemudahan perhubungan, pertukaran informasi dan arkib hasil kesasteraan.
- c. Menjalankan kerja-kerja penterjemahan kepada karya besar dan memtemporari setempat.

d. Menerbit dan mengedarkan hasil kerja yang telah diterjemah.

e. Mewujudkan teori dan paradigma kritikan sastera sendiri.

f. Menggalak dan mengiktiraf karya asli pelbagai genre.

g. Menyediakan pertukaran penulis dan sasterawan melalui pelbagai rancangan.

h. Menerima Tenggara sebagai jurnal penulisan Asia Tenggara.

i. Mengadakan persidangan sekali dalam dua tahun secara bergilir.

j. Berkongsi dana untuk semua aktiviti dan program.

Demikianlah sepuluh resolusi yang dibentangkan di Sidang Pleno sebagai jalan keluar bagi merealisasikan Kesefahaman Serantau Melalui Kesasteraan. Kalau kita lihat perkara 4, tampaknya penterjemahan karya-karya itu amat penting dilakukan. Saya sendiri pernah mencadangkan dalam sesi rumusan bahawa kita seharusnya melahirkan karya-karya kita mengikut bahasa rasmi sebuah negara, kemudian setiap negara seharusnya menyediakan ruang atau sebuah badan seperti halnya dengan negara kita, Malaysia, ada ITN (Institut Terjemahan Negara), negara Thailand ada badannya, begitu juga Indonesia, Laos, Vietnam dan sebagainya. Badan-badan inilah bertindak menterjemahkan karya-karya ini dalam bahawa Inggeris, Perancis, German dan sebagainya. Dalam hal ini, peserta tidak dapat memungkirkan bahasa ibunda dan ia harus berjalan serentak. Kerana kalau kita berkarya dengan menulis bahasa Inggeris sekadar mahukan karya kita itu antarabangsa, saya rasa lambat-laun bahasa kita akan hilang ditelan ego bahasa asing lain, terutamanya bahasa Inggeris.

Pendek kata, Pertemuan Penulis Asia Tenggara Kuala Lumpur 2001 merupakan pertemuan yang lebih membentuk kesefahaman serantau tentang visi dan misi penulis, perkenalan budaya masing-masing, keluhan dan resah, masalah terjemahan, masalah pemasaran dan sebagainya dapat diambil resolusinya dan dipegang bersama, di samping pertukaran idea-idea. Tenggarajurnal SEA Writings merupakan akar pertemuan serantau itu. Walaupun kita sudah ada MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara) tetapi penglibatannya hanya terdiri dari tiga buah negara, Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, Asia Tenggara perlu meluas keanggotaannya seperti apa yang dilakukan SEA Award itu; Jika boleh lebih jauh dari itu! JS

MEREDAH OMBAK KERIBUTAN

Oleh Jong Chian Lai

SAYA terbaca surat khabar mengenai seorang budak didera semenjak kanak-kanak sehingga ke peringkat pendidikan menengah rendahnya, hati saya diruntun kekecewaan yang memuncak. Pada waktu itu, anak-anak saya juga dalam lingkungan umur watak itu, yang membolehkan per-watakan yang dilakukan oleh anak sendiri menjadi sumber perwatakan watak Selvarani dalam novel itu. Kesedihan itu sentiasa menguasai jiwa saya ketika membanding-bandingkan anak sendiri yang kehidupannya dipenuhi dengan kasih-sayang, serba-serbi mencukupi, tiada permasalahan orang tua dan anak-anak dianggap sebagai kawan.

Novel ini telah memecah rekod peribadi kerana saya mengambil masa selama enam bulan untuk menyiapkannya. Keupayaan ini disebabkan ketika itu pada bulan September 1995, urat buku lali kaki kanan saya terputus lantas dibedah, dijahit dan diplasterkan selama empat bulan. Saya mendapat cuti sakit selama itu. Maka untuk membunuh kebosanan ini, pergerakan yang terhad, langsung saya memenuhi masa setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 11.00 malam untuk menulis novel tersebut. Semuanya bertulis tangan. Sementara itu isteri saya Merta Malina menaip dalam komputer.

Saya telah membeli sebuah buku bertajuk Pengantar Psikiatri yang ditulis oleh Dr. Ramli Hassan di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 19/4/1995 sempena penyampaian hadiah MERCU 3 - tajaan MAYBANK/DBP. Pada waktu itu, saya sedang memerlukan ide-ide serta mencerna-kannya di dalam minda setiap masa. Waktu-waktu begini sangat menggelisahkan kerana semua gagasan yang terlontar perlu dicatatkan dalam buku nota dan melalui proses 'pertimbangan' untuk menjadikan ia sebagai plot, subplot novel tersebut. Tentunya usaha begini tidak semudah yang disangkakan kerana ia menuntut kesungguhan, tekad yang tinggi, kebijaksanaan dan daya kreativiti yang tinggi. Sesungguhnya semua yang sem-purna itu diperturunkan Tuhan kepada hambanya.

Pembacaan buku ditulis oleh Dr. Ramli Hassan begitu signifikan menjana pelbagai ilmu

tentang psikiatri kanak-kanak, faktor-faktor psikopatologi, faktor neurosis, alkoholisme dan penyalahgunaan dadah, bunuh diri, gangguan tingkah-laku seks dan rawatan psikologi. Ilmu bantu ini amat perlu disorotkan dalam beberapa watak yang dianggap memerlukan pengisian psikiatri pada watak kanak-kanak dan dewasa secara benar, bukannya imaginasi penulis. Faktor-faktor pencetus kepada penderaan kanak-kanak yang semakin mendapat perhatian dewasa ini adalah disebabkan oleh;

a) Gangguan Pemikiran

Gangguan pemikiran boleh dikesan melalui percakapan, tulisan, tingkah-laku dan delusi penderaan watak-watak dalam novel ini. Keadaan ini menjadi perwatakan itu mengalami kemurungan, perasaan bersalah, ingin membalas dendam, cemburu yang keterlaluan, agresif terhadap orang yang dipercayai berlaku curang dan aliran pemikiran yang tidak menentu.

b) Gangguan Emosi

Dalam novel ini, diperlukan beberapa watak dengan gangguan emosinya. Emosi kerimasan dalam perwatakan Thevanai yang biasanya ditunjukkan dengan cara menengking, memukul, menghem-pas dan membaling benda-benda kepada anak-anaknya. Emosi kemurungan juga menjadi faktor-faktor kerana ayah dan ibu Selvarani tidak dapat mencapai apa yang dihajati iaitu kebahagian suami isteri dan keluarga yang mesra. Fikiran mereka begitu negatif dan pesimis dan mengaku kalah dalam usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

c) Kecelaruan Personaliti

Kecelaruan personaliti tidak seharusnya dianggap sebagai penyakit, hanya sebagai variasi atau kelainan yang melebihi had-had personaliti 'normal'. Ia definisikan sebagai pola tingkah-

laku yang tidak adaptasi dan pada umumnya dapat dikenali sejak zaman kanak-kanak, dan pola tingkah-laku ini berkekalan sepanjang kehidupan dewasanya. Ini mengakibatkan seseorang itu menanggung penderitaan atau orang lain yang memberi kesan buruk terhadap individu dan masyarakat.

d) Alkoholisme

Individu yang terlibat berulang kali meminum alcohol dengan kuantiti yang melebihi kegunaan sosialnya. Akibatnya individu ini akan mendatangkan masalah fizikal, psikologi, sosial, pemabuk, mendatangkan emosi yang tidak selesa, menimbulkan masalah di



Jong Chian Lai dan keluarga berkongsi kegembiraan

tempat kerja, rumah, keluarga dan tingkah-laku yang memalukan individu.

e) Penyalahgunaan dadah

Berbagai-bagi teori telah dikemukakan bagi menghuraikan etiologi penyalahgunaan dadah. Dalam konteks novel ini, ia merujuk pada teori sosiologi iaitu reaksi individu yang telah gagal mencapai cita-cita dengan jalan yang diterima masyarakat.

f) Sejarah Keluarga

Ahli-ahli keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan personaliti individu. Hubungan ibu bapa dengan anak yang intim merupakan bekalan

untuk anak-anaknya membesar dan membina keluarga bahagia. Ibu atau bapa yang pernah didera semasa kanak-kanak akan membala dendam terhadap anaknya sendiri. Penderaan terhadapnya menghantui pemikiran, tingkah-laku sehingga membebaskannya pada anak mereka.

g) Perkahwinan

Sejarah perkahwinan yang tidak terancang serta tanpa pengetahuan orang tua, berkahwin dengan seorang bekas pelacur merupakan satu tekanan psikologi yang menimbulkan penyakit mental dengan mendatangkan masalah rumah tangga, kecelaruan personaliti dan berlaku penceraihan.

h) Sejarah Peribadi

Sejarah kehidupan, dengan kejadian-kejadian paling pahit pernah dialami semasa kanak-kanak menimbulkan kesinambungan krisis-krisis pada pasangan hidup serta anak-anak mereka.

Di samping itu, perwatakan Selvarani banyak digunakan melalui bantuan ilmu buku Dr. Ramli Hassan melalui bab 15 bertajuk

"Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja" dan bab 14 bertajuk "Gangguan Tingkah Laku Seks". Masalah penderaan kanak-kanak semakin mengerunkan sehingga masyarakat perlu berusaha untuk mencegah serta mengawal masalah sosial ini. Penderaan kanak-kanak ini termasuklah penganiayaan fizikal, penganiayaan seks dan pengabaian kanak-kanak. Dalam novel tersebut terdapat ketiga-tiga faktor tersebut yang memainkan peranan penting selain daripada

masalah psikiatri ibu bapa Selvarani seperti alko-holisme, dadah, pelacuran, tekanan mental, kecelaruan pemikiran dan mimpi-mimpi buruk semasa mereka kanak-kanak menjelma kembali

selepas mereka menjadi ibu bapa pulia.

Dalam penjelasan Dr. Ramli Hassan, ibu bapa yang mendera anak mereka, biasanya terdiri daripada kalanngan orang muda yang mungkin telah diseksa oleh ibu bapa mereka sendiri semasa mereka masih kecil. Kecelaruan personaliti, rekod jenayah, kelas sosial rendah, krisis keluarga, masalah perkahwinan, gangguan psikiatri dan kelahiran anak luar nikah adalah faktor-faktor lain yang dikaitkan dengan ibu bapa yang menyeksakan anak mereka.

Faktor penganiayaan seks terhadap Selvarani, watak utama dalam novel ini dilakukan oleh Thevanai, ibunya sendiri. Ibunya mendedahkan Selvarani pada bahan-bahan lucu atau per-setubuhan orang dewasa. Selvarani terdedah kepada perlakuan tidak senonoh orang dewasa yang menyentuh kemaluannya. Dan kemudiannya dia menjadi mangsa per-setubuhan, sama ada secara paksa atau di sebaliknya. Kes inses pula pernah berlaku pada ibunya, Thevanai yang dilakukan oleh pak ciknya sendiri. Selvarani mengalami berbagai-bagi masalah fizikal, jangkitan saluran kencing, penyakit venereal, masalah emosi seperti kemurungan, sengaja mencerdak diri atau lari dari rumah dan masalah dalam pelajarannya.

Dalam proses penulisan novel ini, saya masih menganggap segala kejadian yang menimpak Selvarani bukan kerana 'kebinatangan' Thevanai tetapi banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti yang tercatat dalam buku Dr. Ramli Hassan ini. 'Kebinatangan' Thevanai terhadap Selvarani adalah manifestasi penyakit psikiatrynya yang tidak disedari dan tiada sesiapa pun yang membantu untuk mendiagnosiskannya untuk mencari punca masalah itu. Segala pen-ceritaan dalam novel ini bersifat universal dan Malaysia mengalami masalah penderaan kanak-kanak ini yang perlu diambil perhatian yang serius. Dan tidak hairan apabila saya terbaca, seorang ibu yang mendapat pendidikan tinggi, juga mendera anak-anaknya.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada editor DBPCS, bahagian penerbitan, pegawai-pegawai yang terlibat sehingga novel ini diterbitkan pada tahun 2001. JS

BERAKHIRNYA SEBUAH PENGORBANAN...

Oleh Syariffah Nattassyya Aidid

FIKIRANKU dihimpit dengan pelbagai masalah yang datang bertandang. Belum sempat masalah lama aku selesaikan datang pula masalah baru. Arghhh... aku benar-benar bingung. Masa pula sudah jauh meninggalkan aku di belakang, sedangkan aku masih terkulai-kulai mengejar impian yang tak kesampaian. Itulah prinsip masa, tidak pernah ada istilah 'tunggu', yang berlalu pastikan terus berlalu. Andainya masa itu dapat kuundurkan kembali, alangkah bagusnya... sudah pasti masa itu kuhargai sepenuhnya. Namun itu semua imajinasiku sahaja, tidak mungkin masa itu berundur kembali. Daripada aku berfikir yang bukan-bukan, ada baiknya aku hargai masa yang ada sekarang.

Aku bingkas bangun dari tempat dudukku. Suasana di luar menambahkan kesesakan dalam kepala. Deruman enjin kenderaan memekakkan telinga, sehingga menjaskan konsentrasi sebentar tadi. Aku memerhati keadaan di bawah. Kenderaan-kenderaan yang bersimpang-siur kelihatan begitu kecil dari aras ketinggian bangunanku. Aku kembali duduk di atas kerusi beroda itu sambil pandangan kufokuskan ke atas siling yang hampir bersawang. Fikiranku ligat berpusing, seolah-olah ketajaman fikiranku mampu menyebusi siling itu. Kenangan silam menghantui diriku kini. Wajah tua ibu jelas sekali terbayang-bayang di ruang ingatan. Bagaimana agaknya dia sekarang? Sudah lama juga aku tidak menziarahinya di kampung. Rasa berdosa pula meninggalkannya seorang diri di desa itu. Arghhh... apa gunanya aku pulang, setiap kali aku pulang pasti aku yang dimarahinya. Lagipun urusan bisnes aku di sini banyak yang perlu diuruskan. Ya... bisnes lebih penting!!!

"Encik Zali, Syarikat kita mengalami kerugian. Saham yang dilaburkan pula jatuh menjunam... di luar sana ada pemutang yang ingin menagih hutang dari encik."

"Apa!..." Aku gagal meneruskan kata-kata. Berita itu benar-benar membuatkan aku tidak senang duduk. Silap haribulan boleh bankrup aka! Hishh... aku tak sanggup.

Aku menopang dagu sambil memikirkan kata-kata yang harus aku luahkan. "Emm... katakan kepada mereka syarikat kit mengalami masalah sekarang, dan suruh mereka jumpa saya lain kali sahaja..." spontan saja aku menjawab, tetapi yang pastinya fikiranku kini bercelaru.

Entah mengapa saat itu ingatan aku tertumpu di kampung Emak... ya emak sahaja yang dapa menolong aku sekarang. Tana kepunyaan emak mungkin bole membantu menyelesaikan masalah ini, apa lag juallah... hasilnya aku gunakan untuk membayar hutang syarikat. Tetap apakah

emak sanggup memberi tana pusakanya begitu sahaja kepadaku Arghhh... tentu saja, aku bukankah anaknya.

Situasi terdesak itu menyebabkan aku melangkah pulang ke kampung. Aku tidak peduli apa anggapan emak tentang kepulanganaku ini... apa yang aku harap-harapkan ialah emak dapat membantuku dalam menyelesaikan masalah ini agar bisnesku kembali stabil.

"Ada apa hajat kau pulang ke mari, di bandarkan lebih baik dari tinggal di kampung yang serba mundur ni Zali... pulang nak beraya pun susah inikan pula menjenguk aku di kampung. Cuba kau tengok anak Pak Ngah kau tu ha, anak-anaknya walaupun bekerja besar, berpangkat besar, masih ada masa nak menjenguk ibu bapanya di kampung. Tapi kau... tak habis-habis dengan bisness." Emak benar-benar berkecil hati dengan sikapku. Kepulanganku kali ini seolah-olah tiada erti bagi dirinya yang sudah biasa hidup menyendiri.

"Tapi Zali tak lupa tanggungjawab Zali pada mak, tiap-tiap bulan Zali kirimkan wang saku untuk mak, taktan tak cukup lagi mak..."

"Aku tak perlukan wang kau Zali, selagi emak masih berkudrat, insya-Allah mak dapat mencari wang sendiri tetapi kaulah satu-satunya anak mak... yang mak mahukan cuma kehadiran kau Zali. Wang yang kau beri tiap-tiap bulan tu mak masih disimpan lagi..."

"Kenapa ni mak, Zali dah tunaikan tanggungjawab Zali tapi wang yang Zali beri kepada mak tu adalah untuk menyara kehidupan mak juga bukan?"

Emak hanya membisukan diri.

Barangkali dia malas melayan karenaku. Semakin dilayan semakin menjadi-jadi. Aku turut membantuan diri, sambil memikirkan cara untuk menyentuhkan hati emak. Lantas kukeluarkan hadiah yang telah siap berbungkus dari dalam beg bajuku, kemudian kuserahkan hadiah itu kepada emak. Aku cuba untuk memujuk emak. Namun pada mulanya emak menolak tetapi aku tahu rajuk emak tidak lama dan akhirnya hadiah itu emak ambil juga. Wajahnya terukir senyuman yang selama ini sudah lama tidak terpamer di wajahnya. Kain teleung yang kuhadiahkan sesuai dengan kehendaknya. Dia cukup terharu dengan hadiahku yang tidak seberapa itu. Dia tidak sabar-sabar menunggu waktu maghrib, untuk menunaikan sembahyang agar kain teleung yang kuhadiahkan itu dapat dipakai segera. Melihat sikap emak begitu, terdetik juga di hatiku untuk membatalkan niatku mengambil tanah pusaka kesayangannya namun hutang syarikat harus dilangsangkan segera, aku terjerat di antara ingin menunaikan kemahuanku atau mengambil ke-

mahuhan ibuku.

Hari ini masuk hari kedua aku menetap di kampung. Kedamaian kampung membawa aku jauh dari kesesakan kota. Tiada lagi bunyi bising yang kudengari, di sini hanya ada burung-burung yang berkicauan. Sekali gus menenangkan fikiranku yang sarat dengan masalah. Namun aku tahu, di syarikat kehadiranku amat diperlukan, aku harus pulang segera dan menyelesaikan urusan di sana. Aku tak boleh berlengah-lengah lagi! Hasratku mesti disuarakan.

"Mak, Zali nak tanya sikit boleh?"

"Tanya tentang apa Zali?"

"Aaa... tentang tanah pusaka mak tu. Bagaimana keadaanya sekarang... dah diusahakan?"

"Tanah tu dah terbiar, mak tak larat nak usahakan."

"Emak jualkan sajalah tanah tu daripada ianya terus terbiar... lagi pun tanah tu berpotensi untuk dimajukan mak..."

"Tanah itulah satu-satunya harapan emak untuk menunaikan haji di Mekah, Zali. Kalau boleh duitnya mak nak simpan dalam Tabung Haji."

"Tunaikan haji tu bila-bila masa pun boleh mak, tapi masalah Zali ni terpaksa didahulukan. Hanya tanah itulah yang dapat menyelamatkan bisnes Zali."

"Apa kau dah gila Zali... asyik-asyik bisnes kau saja. Entah-entah kau datang ke mari pun hanya untuk mendapatkan tanah tu. Emak dah tua Zali, kalau boleh emak ingin segera menjakkan kaki ke tanah suci. Hanya tanah pusaka itu dapat menunaikan hajat mak."

"Saya faham mak, tap bisnes saya teruk. Saya tak nak syarikat yang saya tubuhkan dengan titik peluh saya sendiri, gulung tikar begitu saja. Saya perlukan hasil jualan tanah itu untuk langsaihan hutang pejabat, dah tak ada cara lain lagi mak. Insya-Allah kalau syarikat Zali kembali stabil, Zali pasti aka tunaikan hajat mak tu."

Emak terdiam dia tidak menyangkakan aku lebih mementingkan diri sendiri. Dengan mudah air matanya mengalir ke pipi.

Maafkan Zali mak, Zali tidak ada niat untuk melukkan hati mak, bisikku sendirian.

Malam itu dapa kulih perubahan ketara pada sikap emak, dia tidak mahu menegurku. Hatinya kembali merajuk. Di seblak pintu kamarnya yang ternganga sedikit, aku terlihat keliat emak sedang menunaikan sembahyang Isyak. Kain teleung pembeianku masih dipakainya walaupun hatinya mara benar dengan peruatanku. Sayup-sayup suara emak dapatku dengari ketika dia mula menadah tangan berdoa. "Ya Allah ya Tuhan, aku mohon ampun atas segala dosaku.

Sesungguhnya dugaan yang kau berikan benar-benar mencabar diriku. Namun kasih sayangku sebagai seorang ibu tetap ada pada seorang anak, walaupun anakku itu hanya mementingkan diri sendiri. Aku ingin ke rumah-Mu. Ya Allah, tetapi haruskah aku mengenepikan hasratku semata-mata untuk anakku. Apakah pengorbanan ini pengorbanan yang terakhir? Ya Allah, aku pohon petunjukmu... Amin ya rabbal alamin."

Selesai sahaja emak berdoa aku lekas-lekas mlarikan diri.. takut-takut emak tahu aku menghendak pula. Doa yang dilafazkan oleh emak menginsafkan diriku, aku sedar kasih ibu mengatasi segalanya. Biarlah aku yang mengalah, asalkan hajat emak terlaksana.

Keesokan harinya, aku bersiap-siap untuk pulang ke bandar. Kukira emak masih lagi berkecil hati dengan pertengkaran semalam. Namun sangkaanku meleset sama sekali emak melayanku dengan baik sekali seolah-olah tiada pertengkaran yang berlaku di antara kami berdua.

"Zali..." teguran emak itu mencegatku yang ketika itu khusus mengisi pakaian ke dalam beg.

"Ada apa mak?" Tanyaku ingin tahu.

"Nah, ambillah geran tanah ini. Hasil jualannya kaugunakanlah untuk membayar hutang syarikat kau itu."

Tindakan emak itu benar-benar di luar dugaanku. Bermimpikah aku? Tidak, tidak aku tidak bermimpi.

"Maafkan Zali mak... tentang sikap Zali tempoh hari. Kini Zali sedar hajat emak harus didahulukan. Tak apalah mak, tentang hutang itu Zali akan fikirkan cara lain untuk menyelesaikannya." Tangan emak yang berkedut itu kukucup. Emak benar-benar membuatku terharu. Demi aku dia sanggup melupakan hajatnya.

"Ambillah Zali... emak tahu hutang kau harus dilangsangkan segera. Emak yakin setelah syarikat kau kembali stabil emak dapat juga menunaikan haji. Sudahlah, ambillah nak..." Ujar emak sambil mengusap kepalaku.

Ingin menangis aku dibuatnya. Tetapi keegoanku sebagai seorang lelaki menghalang aku untuk terus menangis. Seperti yang kuharapkan geran tanah itu kuambil juga tetapi berpula hatiku untuk meninggalkan emak.

Sikap emak begitu aneh sekali, tidak sedikit pun dia menolak permintaanku kali ini. Sedangkan aku masih dengan perangai lamaku, sudah diberi betis hendakkan peha pula.

Kepulanganku di pejabat dinanti-nantikan oleh semua pekerja. Kesemuanya diselubungi dengan wajah bingung, bimbang aku gagal menstabilkan kembali syarikat ini. Kini tiada apa yang perlu dibingungkan

selesai sahaja tanah ini dijual pastinya syarikat ini berdiri semula. Emak telah menyelamatkan syarikat ini. Terima kasih mak.

Hari ini syarikatku diteruskan semula. Semua hutang telah diberskan, bisnesku pula semakin hari semakin menguntungkan. Syukurlah, berkat doa dan bantuan emak, aku kembali mengaut untung yang banyak. Tentunya Zali tak akan lupakan mak, Zali akan tunaikan hajat emak pula.

Aku ingin menjenguk emak di kampung, dan menunaikan hajatnya. Namun kepulanganku kali ini tidak disambut seperti selalu dengan kehadiran emak yang berdiri di muka pintu. Tetapi kali ini rumah emak dipenuhi dengan orang kampung, seolah-olah emak mengadakan majlis keramaian pula. Entahlah, agaknya emak nak menyambut kehadiran aku tak?

Peluhku merenek di dahi, sangkaan yang bukan-bukan mulai menghantui diriku. Langkahku dihantui dengan laju, ingin segera aku mendapatkan mak dan menyampaikan berita baik tentang bisness dan hajatku untuk membawanya mengerjakan haji. Sesampai sahaja aku di kaki tangga, bacaan surah Yasin mulai kedengaran di kedua-dua belah cuping telingaku. Sangkaan ku mulai menggilas. Apakah emak... ahhh merepek saja aku ni!

Kulihat ramai yang duduk mengelilingi sekujur tubuh yang kaku dan ditutupi dengan kain batik. Aku gagal mengawal emosiku. Air mata mengalir deras ke pipi. Dengan perlahan kain batik itu kuselak. Arghhh... tidak mungkin...

Sedih, pilu, dan kesal berbaur menjadi satu. Terasa aku ingin membunuh diri oleh kerana tidak dapat menerima kenyataan itu, namun keimanan yang masih menebal di hati memaksa aku untuk mempercayai qada dan qadar. Seandainya nyawa ini dapat ditukar ganti pastinya aku rela nyawaku dipertaruhkan. Tapi apalah gunanya nasi sudah menjadi bubur. Yang pergi tak mungkin akan kembali. Tetapi mengapa emak tidak pernah menceritakan penyakit yang dideritanya selama ini? Begitu besar pengorbanan emak sehingga sanggup mengenepikan hajatnya.

Aku masuk ke kamar emak. Kamar itu kini tiada berpenghuni. Tibatiba airmataku seakan ingin menitiskan lagi, apabila melihat kain teleung pemberianku terlipat kemas di dalam almari kepunyaaan emak. Kain itu kukeluarkan dari almari lantas kupeluk sepuasnya, rinduku kini tiada noktahnya. Kuziarahi pusaranya, dan hanya doa dan al-fatihah yang mampu dihadiahkan kini kepada emak.

Maafkan Zali mak... kerana Zali hajat mak tak kesampaian! JS

SAR m 0090/09

KESAKSIAN

seperti orang
demam panas
aku melihat dan
mendengar sajak
-sajak mengigaukan
rasa sakit
semesta

panggung
-panggung retak
jalanan gerimis
dan kelopak
mata menyembunyikan
tangis

aku tutup
telingga
tapi tetap
saja
kudengar
igauannya

‘kita telah bercerai
dengan kesetiaan!’
katanya

dan kota
belum lagi
pulas waktu
kulihat sajak-sajak
berkeliaran
sepanjang musim
dan bersimpuh
di depan rahsia
antara kaf dan nun

SAR m 0091/09

ISTANA PASIR

ia telah membangun
sebuah istana
pasir
yang megah
lengkap dengan
terowongan
angin dan
jutaan labirin

rencananya ia
mengundang Tuhan
dalam kenduri
dan pesta
setelah kemenangan
itu

tapi ia tak sempat
melakukan apapun
sebab ia tertimbun
dalam istana pasir
yang runtuh
oleh tangannya
sendiri

kota kuntilanak, 26.12.01

*) bagi orang-orang yang kalah
setelah menang

(kun, kata-Mu dan aku bersaksi!)

kota kuntilanak, 03.10.01

SAR m 0092/09

KARTU 2

selembar kartu yang
sampai di pintuku
tiba-tiba saja
membuatku ingat kepada
kematian

tempat kukawal sepi
pulang ke
kepekatan di mana
tak seorangpun
mengirim kartu
bergampar tugu, lampu
-lampu dan bilang
‘aku rindu ...’

(Tuhan, maukah kau mengirim
kartu
atau setidaknya menyalakan
lampu agar aku tak
mengigau tentang
musim yang baru lalu...)

kota kuntilanak, 01.06.01

SAR m 0093/09

SESEORANG YANG
TERTIPU HUJAN

ia mengira
hujan mengirim seseorang
mengetuk pintunya
dalam deras
menggilas

siapa di luar
sana?

ia membuka pintu
dan tak menemukan
siapa-siapa
dan menyadari
ia tertipu oleh hujan
yang mengirimkan
masa lalu
paling buru!

kota kuntilanak, 09.10.01

SAR m 009 4/09

Pertemuan Kreatif Puisi PUTERA

Oleh Poul Nanggang



Ketua 1 PUTERA, Tuan Haji Jeli Bohari membimbangi para peserta.

PANTAI Teluk Luak, Miri pernah melorekkan sejarah pertemuan bagi karyawan seni sekitar hampir empat belas tahun yang lalu sempena Dialog Borneo 1, 1987. Kini ia mengimbau sejarah itu kembali. Namun yang berhimpun bukanlah karyawan besar dan tersohor tetapi beberapa orang insan seni yang cukup berminat dalam bidang sastera kreatif.

Pertemuan pada 6 Oktober 2001 ini merupakan usaha PUTERA untuk mengembangkan bakat dan minat seni di kalangan warga Maktab Perguruan Sarawak, Miri. Sekitar empat puluh orang guru pelatih telah dapat berkongsi idea dan sedikit pengalaman yang amat berharga daripada beberapa orang seni PUTERA yang cukup ternama seperti Tuan Hj. Jeli Bohari Biha, Zainal Abidin Hj. Suhaili, Poul Nanggang dan Ismail Julhi. Mereka merupakan pembimbing bagi kegiatan ini dengan slot-slot yang ada. Penyelaras pertemuan ini Eddie Abdullah merupakan Setiausaha II PUTERA ketika ini. PUTERA amat peka dan sensitif dalam usaha memartabatkan seni dan sastera khasnya di utara Sarawak khususnya yang menjurus kepada genre puisi. Oleh yang demikian PUTERA telah mengambil langkah yang bijak mengatur pertemuan ini dengan penyair, bakal penulis atau pencinta seni di Miri.

Dalam bicara awalnya Tuan Hj. Jeli Bohari Biha telah mengungkapkan kalimat-kalimat ini

untuk direnungi dan sebagai tangkal azimat kepada para penulis muda yang berjinak-jinak dengan proses kreatif penulisan.

“RENDEZVOUS” di gigi pantai pada kesempatan ini mendekatkan kita kepada alam. Merapatkan kita dengan penyimpan rahsia alam dan warganya. Marilah kita bermesra dengan alam. Dengan teman bicara. Dengan tasik ingatan kita. Bersama-sama kita

akan melayari juga biduk karya kita menyusuri lautan harapan dan samudera impicita sebagai warga dunia.

Disiplin berkarya menuntut kita melakukan praktis ini. Benih tulisan bukan sahaja lahir dari khayalan kosong seniman, tetapi adalah fikiran yang ranum dari penelitian dan pemikiran yang mantap dan kesedaran yang ter-perinci. Disiplin berkarya me-

nuntut kita meneliti kocakan persekitaran. Kocakan yang menjadi punca gelodak minda kita. Di gigi pantai ini, kita akan kutip artifaks hidupan alam dan warganya kerana pada setiap serpihan dan hidupan ini adalah rahsia. Rahsia alam itu sendiri. Rahsia warganya. Suka-duka dan harapan.

Segala ini mengusik minda kita. Mengajak kita merenung. Dari renungan lahir fikiran dan sensitiviti terhadap kewujudan itu sendiri. Dari gejolak minda ini, akan berbunga kuntum-kuntum puisi dari benih-benih fikiran yang tajam dan seimbang. Sebagai karyawan kita adalah ahli fikir bangsa. Adalah pemerhati masyarakat. Adalah pengamat zaman ini. Kerana itu, untuk memenuhi tanggungjawab ini karya kita hendaklah buah-buah ranum dari benih minda yang waras dan sempurna.

Pertemuan sehari ini membawa tema “Penyair Pemangkin Pertumbuhan Ahli Fikir Nusa”, sekali gus menyerlahkan impian dan harapan PUTERA untuk melahirkan warga penulis yang menjadi pemerhati, penerang dan ahli fikir masyarakatnya. Semoga lewat renungan yang terarah dan berfokus ini, calon karyawan akan mencapai sasaran yang difokuskan. Bertemulah dengan permata ilmu dan intan kesedaran insan itu sendiri.

Pertemuan sehari ini membawa tema “Penyair Pemangkin Pertumbuhan Ahli Fikir Nusa”, sekali gus menyerlahkan impian dan harapan PUTERA untuk melahirkan warga penulis yang menjadi pemerhati, penerang dan ahli fikir masyarakatnya. Semoga lewat renungan yang terarah dan berfokus ini, calon karyawan akan mencapai sasaran yang difokuskan. Bertemulah dengan permata ilmu dan intan kesedaran insan itu sendiri.

Dalam beberapa slot yang lain, Zainal Abidin Suhaili berkongsi pengalamannya menulis dan lebih banyak menjelaskan tentang ilmu-ilmu asas penulisan puisi itu sendiri. Kemudian Poul Nanggang selaku salah seorang pendamping lebih menumpukan kepada ilmu-ilmu bantu lain yang dapat mengangkat seorang penulis itu. Di antaranya ialah disiplin dan daya tahan. “Stamina” dalam penulisan bagaikan larian marathon, cukup jauh dan panjang untuk melihat hasil yang dituai. Untuk menjadi penulis bukan usaha sehari, seminggu atau sebulan tetapi bertahun-tahun malahan setelah karyawan itu meninggal barulah karyanya mulai dibicarakan oleh orang kritikan sastera. Sementara Saudara Ismail Julhi pula menyatakan sedikit pengalaman menulis esei kritikan dan cerpen kepada para peserta yang hadir.

Sesungguhnya pertemuan setengah hari lebih ini berjaya meletakkan tapak yang asas kepada golongan peminat seni dan sastera di kalangan graduan Maktab Perguruan Sarawak, Miri yang nampaknya cukup berminat. Kita terus berharap minat dan stamina berkarya di kalangan mereka akan terus berkembang dan mudah-mudahan usaha PUTERA ini akan menjadi pendorong mereka untuk maju dan terus berkarya demi seni sastera, budaya dan bahasa bangsa kita Malaysia. JS

Disiplin berkarya menuntut kita melakukan praktis ini. Benih tulisan bukan sahaja lahir dari khayalan kosong seniman, tetapi adalah fikiran yang ranum dari penelitian dan pemikiran yang mantap dan kesedaran yang ter-perinci. Disiplin berkarya menuntut kita meneliti kocakan persekitaran. Kocakan yang menjadi punca gelodak minda kita.

مفترليهتكن ڤوتينسي سأورع
فنوليس نوول يع كرياتيف.
سسوغکوهن توجوان دان متلامت
انوکره دان هديه اين بوكن ستاك
سباکاي ڤعهرکان کراجاءن کفڈ
فنوليس - فنوليس سراوق يع تله
معهارومکن دنيا فنوليسن سسترا
دنکري اين. ليهه فتيغ درفڈ ايت
ایاله اي هاروس دافت منجادى
فعکرق، فرغسغ سرت فندوروغ کفڈ
کلاهيرن ليهه راماي لاني فنوليس يع
دافت منهيقكن نام، موتو دان
درافت سسترا دان فنوليسن
درساوق.

داتوق دوكور جامس جمود ماسیع

دالم اوچقنه ملاهيرن کيابين

بهما متلامت ASNS يع سقاتوتشن

منجادى متلامت دان ساسرن اوتام

ستياف داسر دان ڤرنچعن سسترا

دان فنوليسن سام اد يع دبوات اوليه

بادن کراجاءن اتاو بوکن. فروجيق

ASNS يع دفرکنلکن براف تاهون يع

لالو تيدق ترکچوالى دالم حال

این. سباءوه مان اي منچاقاىي

متلامت ايت. باپق برکنټوغ کفڈ

سوکوغن سرت سبوتتن درفڈ

مشاركة دان خلايق سسترا

سنديري. سوکوغن دان سبوتتن

دالم اري کات کچکلن سرت

کسوغکوهن فنوليس اونتوق

ماماجوکن ديري دالم بيدغ

فنوليسن ماسیع - ماسیع تنفا ترلاو

برکنټوغ ڦبنتوان دري کراجاءن.

دهارف انوکره دان هديه اين

بوکن ستاك سباکاي ڤعهرکان

کراجاءن کفڈ فنوليس - فنوليس

سراوق يع تله معهارومکن دنيا

فنوليسن سسترا دنکري اين. ليهه

آيدينتيي اتاو جي ديري کفپاunnerن

يغ ترسنديري. کاي بهاسن ٺنه

اونسور - اونسور کھالوسن سرت

دافت ممبري ڤعکرق، فرغسغ سرت

فندوروغ کفڈ کمونونچولن ليهه

راماي لاني فنوليس يع دافت

منهيقكن نام، موتو دان درجت

سسترا دان فنوليسن درساوق

دان ملتقكهن ستارف دعن سسترا

ناسيونل اتاو انتارابغسا.

مجليس ڦغورنياءن

SAR 00095 | 09

ASNS 2001

Hajjah Mainal
اوليه حاجيجه ماينل

ڦوئيسي. تيمما ڦوئيسي يع ايندہ

منيڠلکن کسن يع دالم دهائی

ڦباج. بلياو مزريما هديه واغ تواني

دان فنوليسن سام اد يع دبوات اوليه

بادن کراجاءن اتاو بوکن. فروجيق

ASNS يع دفرکنلکن براف تاهون يع

لالو تيدق ترکچوالى دالم حال

این. سباءوه مان اي منچاقاىي

متلامت ايت. باپق برکنټوغ کفڈ

سوکوغن سرت سبوتتن درفڈ

مشاركة دان خلايق سسترا

سنديري. سوکوغن دان سبوتتن

دالم اري کات کچکلن سرت

کسوغکوهن فنوليس اونتوق

ماماجوکن ديري دالم بيدغ

فنوليسن ماسیع - ماسیع تنفا ترلاو

برکنټوغ ڦبنتوان دري کراجاءن.

دهارف انوکره دان هديه اين

بوکن ستاك سباکاي ڤعهرکان

کراجاءن کفڈ فنوليس - فنوليس

سراوق يع تله معهارومکن دنيا

فنوليسن سسترا دنکري اين. ليهه

آيدينتيي اتاو جي ديري کفپاunnern

يغ ترسنديري. کاي بهاسن ٺنه

اونسور - اونسور کھالوسن سرت

دافت ممبري ڤعکرق، فرغسغ سرت

فندوروغ کفڈ کمونونچولن ليهه

راماي لاني فنوليس يع دافت

منهيقكن نام، موتو دان درجت

سسترا دان فنوليسن درساوق

دان ملتقكهن ستارف دعن سسترا

ناسيونل اتاو انتارابغسا.

دان ترحاصل دعن ڦدكتان يع

سيستميڪ. ڪچندروغن دان

ڪقواتن تيوري سسترا سرت

کاؤڻاين ممفريڪنلکن

ايشتومولوي بارو دان منزافڪن

داڻم فنوليسن اسيء/کريٽن

تمٺاتن ملائيڪن بلياو مزريما

هديه بايکي گيزري اسيء/کريٽن.

کسموا فزيمها هديه سسترا گبعسان

نکري سراوق مبایوا قولچ هديه واغ

توناي ساڳي ڦنوليس دان ڦباءير

ترواول درساوق يع ماسيه

مشحاصيلکن ڦوئيسي سهيٺ کيبي

تله دعمومکن سباکاي فزيمها هديه

سسترا گبعسان نکري سراوق بايکي

کيزري ڦوئيسي. ڦوئيسي - ڦوئيسي

سرت ڦرانن بلياو دالم ڦركباڻن

کبهاسان دان کسوسٽاءن دنکري

اين سچق تاهون 1970 عن سهيٺ

کيني تله ملائيڪن بلياو مزريما

هديه واغ توناي RM 4,000.00 سرت

سيجيٽ. برٽرانن سباکاي ڦغڪيات

سسترا سراوق، توروت ڏنوٽکن

سباکاي فزيمها هديه بايکي گيزري

چرڻين. چرڻين - چرڻين يع

دالٽ ڦنوليسن سکريٽ دراما دان

ڦوئيسي.

ٿيٺ ميٽ سچع ساڳي ڦنوليس

ترسبوت دلاتري اوٽه ڦفالمن دان

يغ برياكت تله داومومکن سباکاي

قلتلين يع مندالٽ ترهادڻ اسقيٽ

فزيمها هديه سسترا سوکون نکري

کهيدوڻن. ڦنوليسن اسيء

سراوق بايکي گکوري بهاس چينا.

/كريٽن اواڠ عزمن اواڠ ڦاوي

کومقولن ڦوئيسي بلياو يغ برجوڊول

رماج يع چوکوف برباكت. کاريا.

کاريا بلياو تراوتامن ڦنول رماج

داتوق عبدالرحيم ابوبكر، ڦعروسي

لمبان ڦغولا ديوان بهاس دان

ڪوستاک، داتوق عزمن عبدالرشيد،

ستيا اوٽها ڦرسکوتون دان تنسري

داتوق امر حاج حمدا سيرت.

ڦانيل ڦبليا تله سبولت

سوارا ميليه لاثن اورغ ڦنوليس

اوٽوق مزريما هديه بايکي ڦبلان

کيزري يع دتاورکن. لطيفه حاج

سيبي ساڳي ڦنوليس دان ڦباءير

تراءول درساوق يع ماسيه

مشحاصيلکن ڦوئيسي سهيٺ کيبي

تله دعمومکن سباکاي فزيمها هديه

سسترا گبعسان دنکري سراوق بايکي

کيزري ڦوئيسي. ڦوئيسي - ڦوئيسي

بليان معموکاڪن تمهيڪن

يغ ڪريٽس سرت راسيونل. جائس

سحوق، ساڳي ڦنوليس ڦبلان

کيزري يع تيدق اسيع لاني ڏخلايق

سسترا سراوق، توروت ڏنوٽکن

سباکاي فزيمها هديه بايکي گيزري

دسرابون ڦسڀيٽ تروت برٽکيات

دالٽ ڦنوليسن سکريٽ دراما دان

ڦوئيسي.

ٿيٺ ميٽ سچع ساڳي ڦنوليس

ترسبوت دسٽورنکن اوٽه TTV 15 نون

داتوق ڦتيعي ابع حجاج محمد صلح

الدين. توروت حاضر دمليس

ترسبوت اوٽه YB انچيق دوبلين اونتيع

انق ایڪوٽ، منري مودا کمنٽرين

ڦباغونن سوسٽال دان اورٽينسيسي،

ڦروجيک انوکره سسترا نکري

سراوق (ASNS) تله ڏلچرڪن اوٽه

کراجاءن نکري سراوق ڦد 1994

مفترليهتكن کسوغکوهن سرت التزم

کراجاءن نکري ملالويءِ کمنٽرين

ڦباغونن سوسٽال دان اورٽينسيسي

اونتوق سام 2 ڦمباڻون دان منتٺڪن